



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
MINISTRY OF YOUTH AND SPORTS

LAPORAN TAHUNAN 2023  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

*Memperkasakan*  
**BELIA**  
*Merakyatkan*  
**SUKAN**







# LAPORAN TAHUNAN 2023

MEMPERKASAKAN BELIA MERAKYATKAN SUKAN





Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

Menara KBS

No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya

Tel: 603 8871 3000

Diterbit oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

Aras 4, Menara KBS

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya

Tel: 603 8871 3000

Hakcipta Pencetak:

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Belia dan Sukan

# KANDUNGAN

- 09** | **Kata Alu-aluan Menteri**  
Kementerian Belia dan Sukan
- 11** | **Mesej daripada Timbalan Menteri**  
Kementerian Belia dan Sukan
- 13** | **Dari Meja KSU**  
Kementerian Belia dan Sukan
- 14** | **Carta Organisasi**  
Kementerian Belia dan Sukan
- 20** | **Sorotan 2023**  
Kementerian Belia dan Sukan
- 30** | **Kisah Kejayaan**  
Kementerian Belia dan Sukan
- 40** | **Pencapaian KBS**
- ▶ Temasya Sukan SEA ke-32 Kemboja 2023
  - ▶ Wira Emas Negara dari Sukan Para Asean 2023
  - ▶ Kejayaan TVET ILKBS di *WorldSkills* Asia Abu Dhabi 2023
  - ▶ 103 Jenis Sukan Tersenarai dalam Perintah Pembangunan Sukan
  - ▶ Program Skrin Besar
  - ▶ Sambutan Hari Belia Negara 2023
  - ▶ Sambutan Hari Sukan Negara 2023
  - ▶ Cikgu Intan Zulaikha
  - ▶ Kod Sukan Sejamat
  - ▶ Pesta Rakan Muda Mudi
  - ▶ *Youth Capsule*
  - ▶ Klinik Kesihatan Wanita untuk Atlet di Institut Sukan Negara
  - ▶ Pelancaran Program *Skills for Life 2023*
  - ▶ Projek Tongkat
  - ▶ Wanita dalam Sukan
  - ▶ Program Perkhemahan Keluarga di Kem Wawasan
  - ▶ Konservasi Harimau Malaya
- 84** | **Laporan Sektor Pengurusan**
- ▶ Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
  - ▶ Bahagian Kewangan
  - ▶ Bahagian Pembangunan
  - ▶ Bahagian Akaun
  - ▶ Bahagian Pengurusan Maklumat
  - ▶ Bahagian Khidmat Pengurusan
- Unit Komunikasi Korporat**  
**Unit Anti-Doping Malaysia (ADAMAS)**  
**Unit Audit Dalam**  
**Unit Integriti**  
**Pejabat Penasihat Undang-Undang**
- Laporan Sektor Strategik**
- ▶ Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
  - ▶ Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
  - ▶ Bahagian Hubungan Antarabangsa



# PENGENALAN

## SEJARAH KBS

Sejarah penubuhan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bermula pada tahun 1953 dengan tertubuhnya Bahagian Kebudayaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah diberi tanggungjawab mengenai hal ehwal belia. Seterusnya pada tahun 1964 Bahagian Kebudayaan ini telah dipindahkan ke Kementerian Penerangan. Dalam masa yang sama berikutan kegiatan belia secara berpersatuan yang semakin berkembang, maka bagi tujuan memupuk serta memantau perkembangan tersebut, Bahagian Belia telah ditubuhkan di bawah Kementerian Penerangan dan pada masa sama ditubuhkan Bahagian Sukan.

Kementerian Belia dan Sukan diwujudkan pada 15 Mei 1964 iaitu bersempena Hari Belia Negara pada tahun tersebut. Pada tahun 1972, Bahagian Kebudayaan telah diwujudkan dan dengan itu nama Kementerian Belia dan Sukan ini telah diubah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sehingga tahun 1987 apabila Bahagian Kebudayaan telah dipindahkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Dengan perpindahan Bahagian Kebudayaan tersebut, nama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah kembali kepada nama asalnya iaitu Kementerian Belia dan Sukan, sehingga sekarang.

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah diamanahkan untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Malaysia khususnya dalam pembangunan Belia dan Sukan.



### VISI

Membentuk Malaysia yang lebih sejahtera, makmur dan bersatu melalui pembangunan belia dan pembudayaan sukan.



### MISI

Memacu kemajuan belia dan sukan secara holistik untuk memenuhi aspirasi negara.

# TERAS STRATEGIK



## Pemeriksaan Belia

Dalam memperkasakan anak muda, suara anak muda akan diberi ruang dalam menentukan hala tuju dan perancangan organisasi, potensi belia akan digilap sepenuhnya dan diiktiraf. Kepimpinan anak muda diasuh dalam melahirkan belia bertaraf global dan menyantuni komuniti.



## Kualiti Kesejahteraan Hidup

Meningkatkan tahap kelangsungan hidup dan kesejahteraan menjadi matlamat utama setiap individu, tidak terkecuali belia, kerana mereka merupakan kumpulan yang berpotensi mempengaruhi masa depan sesebuah negara. Sehubungan itu, beberapa faktor harus diambil kira seperti tahap pendidikan, kesihatan dan sumber pendapatan mereka. Maka tahap kelangsungan hidup dan kesejahteraan mereka perlu diberi perhatian sewajarnya.



## Penciptaan Pekerjaan

Pasaran kerja kini lebih bersifat dinamik ekoran perubahan pesat dalam penggunaan teknologi terkini dan kepelbagaian keperluan oleh majikan. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai isu dalam pasaran kerja dan dirumitkan lagi oleh prestasi ekonomi negara semasa yang agak sederhana. Penciptaan peluang pekerjaan baharu yang perlahan dilihat tidak senada dengan limpahan graduan dalam pasaran kerja. Justeru, KBS dalam usaha mencipta peluang pekerjaan dan medium yang sesuai untuk generasi muda.



## Memperkasa Tadbir Urus

Bagi memperkasa tadbir urus, KBS telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya dengan mengamalkan tadbir urus yang baik & berintegriti. KBS telah melancarkan Pelan Integriti KBS antaranya menggariskan perolehan yang telus (*Open Tender*), penempatan Pegawai SPRM di KBS, melaksanakan program auditing, pengisytiharan harta Menteri dan Pegawai Pejabat Menteri dan akhir sekali memuktamadkan *Corruption Risk Management* (CRM) dengan kerjasama SPRM.

## PIAGAM PELANGGAN KBS

- 1** Memaklumkan keputusan permohonan bantuan aktiviti yang dikemukakan oleh pertubuhan belia/badan sukan dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh mesyuarat.
- 2** Meluluskan pendaftaran pertubuhan belia dalam tempoh lima (5) hari dengan syarat permohonan memenuhi garis panduan yang ditetapkan.
- 3** Meluluskan pendaftaran badan sukan dalam tempoh tujuh (7) hari dengan syarat memenuhi garis panduan yang ditetapkan.
- 4** Memaklumkan keputusan permohonan kemasukan ke IKBN/IKTBN dalam tempoh tiga (3) minggu selepas permohonan ditutup.
- 5** Menjelaskan tuntutan bayaran dalam tempoh empat belas (14) hari dengan syarat dokumen yang dikemukakan adalah lengkap.
- 6** Mengesahkan penerimaan aduan dalam tempoh satu (1) hari bekerja dan memberikan maklum balas aduan dalam tempoh tiga (3) hari.



# **KATA ALU-ALUAN**



# *Kata Alu-aluan*

**MENTERI BELIA DAN SUKAN**  
YB HANNAH YEOH



## Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Tahun 2023, genaplah setahun saya dan YB Adam Adli Abd Halim selaku Timbalan Menteri menerajui Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Sepanjang tempoh ini, KBS telah melaksanakan pelbagai reformasi dalam perihal belia dan sukan berdasarkan enam nilai teras MADANI yang diaspirasikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Justeru, pelbagai inisiatif yang memberikan manfaat dan kebaikan telah diperkenalkan dan diperkasakan bukan sahaja untuk atlet dan industri sukan malah untuk golongan belia.

Pencapaian KBS dalam tempoh 2023 mengambil kira setiap pandangan pemegang taruh untuk merakyatkan sukan; memperkasakan belia dan merakyatkan fasiliti KBS sedia ada untuk semua golongan. Selaras dengan hasrat dan hala tuju KBS kita memperkenalkan inisiatif yang meliputi semua aspek keperluan pemegang taruh. Sebagai contoh KBS memperkenalkan sekretariat *Road to Gold* (RTG) dengan sasaran membawa balik satu pingat emas dari Sukan Olimpik Paris 2024. Antara inisiatif-inisiatif lain yang diperkenalkan ialah KLAS Renang, penginapan *Y-Capsule*, Kod Sukan Selamat, Rakan Muda Nafas Baharu dan Merakyatkan Fasiliti Perbadanan Stadium Malaysia. KBS juga akan mencadangkan pembelian peralatan sukan dan perbelanjaan untuk latihan sukan akan diberikan pelepasan cukai individu pada tahun hadapan.

Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Setiausaha, Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarsu, pengurusan tertinggi dan semua warga KBS yang bekerja keras, memberikan komitmen dan dedikasi atas pencapaian KBS sepanjang tahun 2023. Saya berharap KBS akan terus menerokai ruang yang terbaik dan terkini untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan pemegang taruh bagi golongan belia dan industri sukan.

Sekian, terima kasih

**YB Hannah Yeoh**  
**Menteri Belia dan Sukan**



Antara inisiatif-inisiatif lain yang diperkenalkan ialah KLAS Renang, penginapan *Y-Capsule*, Kod Sukan Selamat, Rakan Muda Nafas Baharu dan Merakyatkan Fasiliti Perbadanan Stadium Malaysia. ”



# *Mesej Daripada*

**TIMBALAN MENTERI BELIA DAN SUKAN**  
YB ADAM ADLI ABD HALIM

## Assalamualaikum dan Salam Malaysia MADANI,

Setahun bersama-sama Kerajaan Madani, Kementerian Belia dan Sukan terus bersungguh-sungguh mendekati keperluan kelompok belia dan industri sukan negara. Selaras dengan aspirasi ditetapkan, pelbagai pendekatan kreatif telah digunakan bagi memastikan lapangan belia dan sukan negara terus bergerak maju.

Kekuatan dan fokus menyeluruh telah diberikan kepada inisiatif Rakan Muda bagi memastikan anak muda di Malaysia diberikan ruang meluahkan pandangan dan melakukan pelbagai kegiatan positif. Ia menjadi langkah berani Kementerian dalam mengolah rancangan yang lebih dekat dan bersifat segar. Rakan Muda ialah platform generasi terkini untuk menyerlahkan potensi dan bakat.

Selain itu, bagi mencapai hasrat kerajaan menurunkan had umur belia semasa antara 15 hingga 40 tahun kepada 30 tahun, kerajaan telah menetapkan tarikh kuat kuasa bagi Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 [Akta A1602] pada 1 Januari 2026. Kementerian sedang merancang untuk satu sesi libat urus bagi mendapatkan maklum balas menyeluruh daripada kelompok belia akar umbi terhadap pindaan ini. Program ini akan memberi peluang kepada semua anak muda untuk memberikan pandangan dan hasrat mereka untuk diambil tindakan langsung oleh Kementerian.

Saya berharap anak muda di seluruh Malaysia akan terus memberikan sokongan terhadap semua inisiatif Kementerian. Terima kasih kepada Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh, Ketua Setiausaha KBS, Ts. Dr. Nagulendra Kangayatkarasu, pengurusan tertinggi dan seluruh warga KBS untuk setiap usaha bermakna tahun ini.

Sekian, terima kasih

**YB Adam Adli Abd Halim**  
Timbalan Menteri Belia dan Sukan



**Kekuatan dan fokus menyeluruh telah diberikan kepada inisiatif Rakan Muda bagi memastikan anak muda di Malaysia diberikan ruang meluahkan pandangan dan melakukan pelbagai kegiatan positif.**





*Dari Meja*

**KETUA SETIAUSAHA**  
YBHG. Ts. Dr. NAGULENDRAN  
KANGAYATKARASU

## Salam Hormat dan Salam Malaysia MADANI,

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada pasukan penerbitan Buku Laporan Tahunan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) 2023 dalam memaparkan pencapaian dan kejayaan KBS sepanjang tahun ini. Dalam memenuhi keperluan semua pemegang taruh sukan dan belia, saya juga menekankan kepada semua warga KBS agar sentiasa mewujudkan ekosistem yang seronok untuk bekerja berlandaskan disiplin dan integriti. Antara aspek yang telah ditekankan juga adalah kebajikan dan kesejahteraan warga KBS.

KBS merupakan satu agensi yang sangat penting dalam memacu pembangunan generasi semasa dan akan datang, yang bakal mewarisi dan memimpin negara tercinta ini. Di samping itu, pembangunan sukan bukan sahaja tentang memenangi pingat di temasya antarabangsa, tetapi juga mempunyai elemen penyatuan masyarakat. Oleh itu, KBS perlu terus merakyatkan dan membudayakan sukan ke arah melahirkan Malaysia yang lebih cergas dan sihat.

Dalam memantapkan penyampaian perkhidmatan, pengurusan tatakelola yang baik dan telus akan menjamin kepercayaan pemegang taruh dan rakyat kepada jentera kerajaan. Arakian, di KBS kita perlu terus memperkasakan amalan budaya kerja yang mengutamakan kecemerlangan dalam penyampaian dan melaksanakan perkara yang betul dengan betul (*do the right thing, right*) pada setiap masa.

Pada masa yang sama, KBS pada 2023 telah mula menggerakkan anjakan paradigma dalam penganjuran program dan operasi yang bersifat *low cost, high impact* selari dengan hasrat kerajaan untuk berbelanja secara berhemah. Selain itu, di KBS kita telah mula menerapkan elemen kemampanan dan kelestarian untuk memastikan semua operasi kita mempunyai impak yang minimum kepada alam.

Semoga KBS akan terus dinamik dan dapat melaksanakan reformasi yang diperlukan mengikut kehendak semasa. Maka, pada tahun-tahun akan datang, kita perlu memantapkan struktur KBS secara keseluruhan untuk memastikan penyampaian yang terbaik mengikut keperluan rakyat dan negara.

Ke arah ini, ayah kita terus bekerja secara berpasukan dalam suatu suasana kerja yang menyeronokkan di samping mendukung pendekatan Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih

**YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu**  
**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Belia dan Sukan**




...kita perlu terus memperkasakan amalan budaya kerja yang mengutamakan kecemerlangan dalam penyampaian dan melaksanakan perkara yang betul dengan betul (*do the right thing, right*) pada setiap masa. ”




# CARTA ORGANISASI




**YB HANNAH YEOH**  
Menteri



**YB ADAM ADLI BIN ABD HALIM**  
Timbalan Menteri



**YBHG. TS. DR. NAGULENDRAN KANGAYTKARASU**  
Ketua Setiausaha  
PTD / GRED UTAMA A



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)**  
**ABDULLAH BIN HASAN**  
PTD / GRED UTAMA B



**BAHAGIAN PEMBANCUNAN**  
**AMIR HAMZAH BIN AWANG GHAZALI**  
Setiausaha Bahagian  
PTD M54




**BAHAGIAN AKAUN**  
**MASLINA BINTI KAMARUDIN**  
Ketua Akaun  
Akaun WA54




**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**JUNAINAH BINTI MOHD ZAID**  
Ketua Komunikasi Korporat  
Gred 54 Terbuka



**BAHAGIAN KEWANGAN**  
**OTHMAN BIN ABDULLAH**  
Setiausaha Bahagian  
PTD M54




**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**  
**RAI'DAH BINTI MOHD YAMAN**  
Setiausaha Bahagian  
PTD M54




**UNIT AUDIT DALAM**  
**GANESH RAO A/L C BODIAH**  
Ketua Audit Dalam  
Juruaudit W52




**BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT**  
**NORAIDA BINTI MOHD NADZIR**  
Setiausaha Bahagian  
Peg. Teknologi Maklumat F54




**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**  
**RICHARD BARAHIM**  
Setiausaha Bahagian  
PTD M52




**UNIT INTEGRITI**  
**GEETHA RAMACHANDRAN**  
Ketua Unit Integriti  
PTD M52



**MAJLIS SUKAN NEGARA (MSN)**  
**HAJI ABDUL RASHID BIN YAAKUB**  
Ketua Pengarah  
Gred Utama C



**INSTITUT SUKAN NEGARA (ISN)**  
**AHMAD FAEDZAL BIN MD RAMLI**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Gred Utama C Terbuka



**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)**  
**DR. VELLAPANDIAN A/L PONNUSAMY**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Gred Utama C Terbuka



**PERBADANAN STADIUM MALAYSIA (PSM)**  
**MOHD FAIDZ BIN SANUSI**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Gred 52 Terbuka

# KBS 2023



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (STRATEGIK)**  
**RAMONA BINTI MOHD RAZALI**  
 PTD / GRED UTAMA B



**UNIT ANTI-DOPING  
MALAYSIA (ADAMAS)**  
**AZURA BINTI ABIDIN**  
 Pengarah  
 Pegawai Belia dan Sukan SS4



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN  
KEMAHIRAN BELIA**  
**SHAHUL AFFENDI BIN  
BAHARUDIN**  
 Pengarah Kemahiran  
 Gred Utama C Terbuka



**BAHAGIAN DASAR DAN  
PERANCANGAN STRATEGIK**  
**JEFFERY BIN YON**  
 Setiausaha Bahagian  
 PTD M54



**BAHAGIAN HUBUNGAN  
ANTARABANGSA**  
**DR. NORHASMAT BIN ABDUL  
AZIZ**  
 Setiausaha Bahagian  
 PTD M52



**PEJABAT PENASIHAT  
UNDANG-UNDANG**  
**AIDA MASTURA BINTI  
MOHAMED AMAN**  
 Penasihat Undang-Undang  
 Pegawai Undang-Undang L52



**JABATAN BELIA DAN SUKAN  
NEGARA (JBSN)**  
**MOHD AZHARI BIN MOHAMMAD**  
 Ketua Pengarah  
 Gred Utama B Terbuka



**INSTITUT PEMBANGUNAN  
DAN KECEMERLANGAN  
KEPIMPINAN (I-LEAD)**  
**HAJI MOHD HASWANDI  
BIN HAJI AHMAD**  
 Ketua Pengarah  
 Gred Utama B Terbuka



**PEJABAT PESURUHJAYA  
SUKAN (PPS)**  
**SUHARDI BIN ALIAS**  
 Pesuruhjaya Sukan  
 Gred Utama C Terbuka



**PEJABAT PENDAFTAR  
PERTUBUHAN BELIA  
(PPPB)**  
**HASNATA BIN HASAN**  
 Pendaftar Pertubuhan Belia  
 Pegawai Belia dan Sukan SS4



**PERBADANAN PADANG  
GOLF SUBANG (PPGS)**  
**MEGAT MOHD SHAHRIN BIN  
DATO' MOHAMED HAMDAN**  
 Ketua Pegawai Eksekutif  
 Gred S2 Terbuka



**PUSAT BELIA  
ANTARABANGSA (IYC)**  
**DR. HAJI MOHAMED MALIKI  
BIN MOHAMED RAPIIE**  
 Pengarah



**IMPACT INTEGRATED  
(IMPACT)**  
**AHMED FARIS BIN AMIR**  
 Ketua Pegawai Eksekutif



**SEPIANG INTERNATIONAL  
CIRCUIT SDN BHD (SIC)**  
**AZHAN SHAFRIMAN BIN  
HANIF**  
 Ketua Pegawai Eksekutif



# PENGURUSAN TERTINGGI

**YBRS. RAMONA BINTI  
MOHD RAZALI**  
TIMBALAN KETUA  
SETIAUSAHA  
(STRATEGIK)



**YBHG. TS. DR.  
NAGULENDRAN  
KANGAYATKARASU**  
KETUA SETIAUSAHA



**YBRS. ABDULLAH  
BIN HASAN**  
TIMBALAN KETUA  
SETIAUSAHA  
(PENGURUSAN)



## SETIAUSAHA BAHAGIAN DAN KETUA UNIT



**AMIR HAMZAH BIN  
AWANG GHAZALI**  
SETIAUSAHA BAHAGIAN  
PEMBANGUNAN



**OTHMAN BIN ABDULLAH**  
SETIAUSAHA BAHAGIAN  
KEWANGAN



**RAI'DAH BINTI  
MOHD YAMAN**  
SETIAUSAHA BAHAGIAN  
PENGURUSAN SUMBER  
MANUSIA



**NORAIDA BINTI  
MOHD NADZIR**  
SETIAUSAHA BAHAGIAN  
PENGURUSAN MAKLUMAT



**MASLINA BINTI MUHAMAD  
YUSOF @ KAMARUDIN**  
KETUA AKAUNTA  
BAHAGIAN AKAUN



**RICHARD BARAHIM**  
SETIAUSAHA BAHAGIAN  
KHIDMAT PENGURUSAN



**SHAHRUL AFFENDI BIN  
BAHARUDIN**  
PENGARAH KEMAHIRAN  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN  
KEMAHIRAN BELIA (BPKB)



**JEFFERY BIN YON**  
SETIAUSAHA  
BAHAGIAN DASAR  
DAN PERANCANGAN  
STRATEGIK



**DR. NORHASMAT BIN  
ABDUL AZIZ**  
SETIAUSAHA  
BAHAGIAN HUBUNGAN  
ANTARABANGSA



**AZURA BINTI ABIDIN**  
PENGARAH AGENSI  
ANTI-DOPING MALAYSIA  
(ADAMAS)



**JUNAINAH BINTI  
MOHD ZAID**  
KETUA UNIT KOMUNIKASI  
KORPORAT



**GANESH RAO A/L  
C BODIAH**  
KETUA UNIT AUDIT DALAM



**GEETHA A/P  
RAMACHANDRAN**  
KETUA UNIT INTEGRITI



**PUAN AIDA MASTURA BINTI  
MOHAMED AMAN**  
PENASIHAT UNDANG-UNDANG  
PEJABAT PENASIHAT  
UNDANG-UNDANG

**AGENSI**



**AZHARI BIN MOHAMAD**  
KETUA PENGARAH  
JABATAN BELIA DAN  
SUKAN NEGARA (JBSN)



**TUAN HAJI MOHD HASWANDI  
BIN HAJI AHMAD**  
KETUA PENGARAH  
INSTITUT PEMBANGUNAN  
DAN KECEMERLANGAN  
KEPIMPINAN (I-LEAD)



**SUHARDI BIN ALIAS**  
PESURUHJAYA SUKAN  
MALAYSIA  
PEJABAT PESURUHJAYA  
SUKAN MALAYSIA



**HASNATA BIN HASSAN**  
PENDAFTAR PERTUBuhan  
BELIA  
PEJABAT PENDAFTAR  
PERTUBuhan BELIA (ROY)



**ABDUL RASHID BIN  
YAAKUB**  
KETUA PENGARAH  
MAJLIS SUKAN NEGARA  
(MSN)



**AHMAD FAEDZAL  
BIN MD RAMLI**  
KETUA PEGAWAI  
EKSEKUTIF  
INSTITUT SUKAN NEGARA  
(ISN)



**DR. VELLAPANDIAN A/L  
PONNUSAMY**  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
INSTITUT PENYELIDIAKN  
PEMBANGUNAN BELIA  
MALAYSIA (IYRES)



**MOHD FAIDZ BIN SANUSI**  
KETUA PEGAWAI  
EKSEKUTIF  
PERBADANAN STADIUM  
MALAYSIA (PSM)



**MEGAT MOHD SHAHRIN  
BIN DATO' MOHAMED  
HAMDAN**  
KETUA PEGAWAI  
EKSEKUTIF  
PERBADANAN PADANG  
GOLF SUBANG (PPGS)



**DR. HAJI MOHAMED MALIKI  
BIN MOHAMED RAPIEE**  
PENGARAH PUSAT BELIA  
ANTARABANGSA (IYC)



**AHMED FARIS BIN AMIR**  
KETUA PEGAWAI  
EKSEKUTIF  
IMPACT INTEGRATED  
(IMPACT)



**AZHAN SHAFRIMAN  
BIN HANIF**  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
SEPANG INTERNATIONAL  
CIRCUIT SDN BHD (SIC)



# SOROTAN 2023

## Januari

### Keusahawanan Sosial Pemangkin Pembangunan Komuniti dan Intervensi Sosial Belia (SERY)

20 Januari 2023 | International Youth Centre (IYC)



YB Adam Adli mengunjungi reruai di Majlis Penutup Social Entrepreneurship for Rural Youth (SERY)

### Piala Dunia Hoki 2023 Skrin Besar

22 Januari 2023 | Perkarangan Perbadanan Putrajaya



Para pengunjung yang hadir ke Skrin Besar Piala Dunia Hoki 2023

### Kick-Off Program Skills for Life KBS Tahun 2023

28 Januari 2023 | Podium, Menara KBS



YB Adam Adli mempelajari kemahiran asas mengunting rambut dan personel, iaitu Men's Haircut - High Fade Style

## Februari

### Lawatan Kerja YB Menteri Belia dan Sukan ke Pusat Kecemerlangan Paralimpik Kampung Pandan

18 Februari 2023 | Pusat Kecemerlangan Paralimpik Kampung Pandan



YB Hannah Yeoh bersama atlet Para Malaysia

### Karnival Sukan Ekstrem Kebangsaan

25 Februari 2023 | Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara



YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan hadir merasmikan Karnival Sukan Ekstrem Kebangsaan yang berlangsung di Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara, Kuala Lumpur

### KBS Open Day 2023

28 Februari 2023 | Podium, Menara KBS



Pengunjung berurusan dengan perkhidmatan yang ditawarkan di Open Day KBS

## Mac

**Road To Gold**

12 Mac 2023 | Stadium Nasional Bukit Jalil (SNBJ)



YB Hannah Yeoh dan Ahli Jawatankuasa Road to Gold

**Majlis Pelancaran Kod Sukan Selamat**

15 Mac 2023 | Podium, Menara KBS



YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha KBS dan agensi-agensi Kementerian Belia Dan Sukan, Persatuan Sukan Kebangsaan serta Persatuan Sukan Kebangsaan PARA menandatangani Aduan Sokongan Kod Sukan Selamat

**Majlis Perasmian Projek Penggantian Rumput Stadium Nasional Bukit Jalil**

18 Mac 2023 | Stadium Nasional Bukit Jalil (SNBJ)



DYAM Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor mencemar duli untuk berangkat turun ke Stadium Nasional Bukit Jalil bagi menyaksikan penyempurnaan Majlis Perasmian Projek Penggantian Rumput Stadium Nasional Bukit Jalil

## April

**Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Menandatangani Perakuan Sokongan Kod Sukan Selamat**

18 April 2023 | Podium A, Menara KBS



YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan dan YB Puan Fadhlina Binti Sidek, Menteri Pendidikan bersama wakil-wakil yang terdiri daripada pentadbir dan penggiat sukan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi menandatangani perakuan sokongan Kod Sukan Selamat di Menara KBS

**Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Kontinjen Malaysia ke Sukan SEA KE-32 Cambodia 2023**

30 April 2023 | Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil



Para atlet membaca ikrar ucapan di Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Kontinjen Malaysia ke Sukan SEA KE-32 Cambodia 2023



Barisan Atlet Malaysia yang akan bertanding ke Sukan SEA KE-32 Cambodia 2023

## Mei

### Kemahiran Latihan Asas Sukan (KLAS) Renang di Swim Splash Academy, Taman Kepong, Kuala Lumpur

13 Mei 2023 | Swim Splash Academy, Taman Kepong, Kuala Lumpur



YB Hannah bersama Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu turut turun padang meninjau perkembangan program di RNJ Swimming Academy di Petaling Jaya dan Swim Splash Academy di Taman Kepong

### Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Kontinjen Malaysia ke Sukan Para ASEAN Ke-12, Cambodia

29 Mei 2023 | Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil



Atlet Para membawa Jalur Gemilang ke dalam Dewan



Para atlet membaca ikrar yang dipimpin oleh Muhammad Nur Syaiful Zulkafli, atlet sukan renang

### Karnival Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2023

28 Mei 2023 | Padang Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson



Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim hadir bagi merasmikan Karnival Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Negeri Sembilan



YB Hannah Yeoh memberikan ucapan Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2023



Ts. Dr. Nagulendran A/L Kangayatkarasu melawat ke reruai sukan berbasikal



Dr. Nagulendran A/L Kangayatkarasu beramah mesra bersama belia di Karnival Hari Belia Negara 2023

Jun

**Garis Panduan Pembangunan Sukan Elektronik Kebangsaan atau National Esports Development Guideline (NESDEG)**

20 Jun 2023 | ESI Hub, Spacerubix, Puchong



YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan melancarkan Garis Panduan Pembangunan Sukan Elektronik Kebangsaan atau National Esports Development Guideline (NESDEG).



Sesi berucap berkenaan Garis Panduan Pembangunan Sukan Elektronik Kebangsaan atau National Esports Development Guideline (NESDEG).

**Kejuaraan PETRONAS Malaysian Cub Prix di Litar Antarabangsa Sepang**

11 Jun 2023 | Litar Antarabangsa Sepang



Aksi sukan permotoran dua roda Kejuaraan PETRONAS Malaysian Cub Prix



YB Hannah Yeoh dan YB Adam Adli hadir bagi menyaksikan Kejuaraan PETRONAS Malaysian Cub Prix di Litar Antarabangsa Sepang

**Majlis Pelancaran Rakan Muda**

25 Jun 2023 | Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM



Persembahan wushu menyeronokkan lagi Majlis Pelancaran Rakan Muda



Orang ramai hadir memeriahkan lagi Pelancaran Rakan Muda Nafas Baharu



Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim hadir bagi melancarkan Rakan Muda yang diberikan nafas baharu bertempat di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi



YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan beserta En. Mohd Azhari Bin Mohammad Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan beramah mesra bersama belia

## Julai

### Le Tour de Langkawi (LTdL) Edisi ke-27

4 Julai 2023 | Menara KBS



YB Hannah Yeoh memberi ucapan di Majlis Pelancaran Le Tour de Langkawi 2023.

### Majlis Anugerah Sukan Negara 2022

17 Julai 2023 | Dorsett Grand Subang



Ng Joe Ee, Atlet gimrama ditabal sebagai Olahragawati Kebangsaan 2022



YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan memberikan piala Olahragawati Paralimpik Kebangsaan 2022 kepada Lim Carmen, atlet Renang Para

## Ogos

### Penyerahan Jalur Gemilang Kontinjen Malaysia ke Temasya Sukan Remaja Komanwel Edisi ke-7 Trinidad & Tobago 2023

1 Ogos 2023 | Menara KBS, Putrajaya



YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan menyempurnakan Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Kontinjen Malaysia ke Temasya Sukan Remaja Komanwel Edisi ke-7 Trinidad & Tobago 2023

### Skrin Besar Kejohanan Hoki Hero Trofi Juara-Juara Asia 2023 Malaysia vs India di Dataran Putrajaya

12 Ogos 2023 | Dataran Putrajaya



Skrin Besar Kejohanan Hoki Hero Trofi Juara-Juara Asia 2023 Malaysia vs India di Dataran Putrajaya dibanjiri penyokong

### Program Al-Quran Hour KBS Tahun 2023

30 Ogos 2023 | Menara KBS, Putrajaya



Seramai 100 orang warga KBS hadir mengimarahkan program ini yang berlangsung

## September

### Pelancaran Perkhemahan Keluarga

3 September 2023 | Kem Wawasan Negara Ulu Sepri, Negeri Sembilan



YB Hannah Yeoh meninjau kawasan perkhemahan.

### Sukan Persahabatan Malaysia-Korea Sempena Ulang Tahun ke-40 Dasar Pandang Ke Timur

10 September 2023 | Stadium Juara, Kuala Lumpur



Atlet gimrama membuat persembahan



Sukan stacking turut diadakan di majlis tersebut

### Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Kontinjen Malaysia ke Sukan Asia & Sukan Para Asia 2022

11 September 2023 | Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil



Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Isteri Kepada YAB Perdana Menteri Malaysia menyempurnakan Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Kontinjen Malaysia ke Sukan Asia & Sukan Para Asia 2022

### PETRONAS Le Tour de Langkawi (LTdL) 2023 peringkat ke-8

30 September 2023 | KLCC



YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan menyampaikan hadiah kepada Pelumba pasukan EF Education-Easypost, Simon Carr yang memenangi gelaran Juara Keseluruhan (Jersi Hijau)

### Latihan Asas Sukan Renang (KLAS Renang) bagi Fasa 2

16 September 2023 | Pusat Akuatik Kuching, Kompleks Belia dan Sukan Sarawak



YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan menyempurnakan pelancaran KLAS Renang

### Program Y-Capsule bertempat

13 September 2023 | Pusat Belia Antarabangsa (IVC)



YB Hannah Yeoh meneliti fasiliti Y-Capsule

## Oktober

### Majlis Perasmian Padang Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City (KLSC)

12 Oktober 2023 | Stadium Nasional, KLSC



Duli Yang Amat Mulia Mejar Jenderal Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor telah menyempurnakan Majlis Perasmian Padang Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City (KLSC)

### Majlis Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2023

14 Oktober 2023 | Perkarangan Istana Kehakiman, Putrajaya



Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim hadir merasmikan Majlis Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 bertempat di Perkarangan Istana Kehakiman, Putrajaya



YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan mengadakan sidang media Hari Sukan Negara di Bike and Beans, Menara KBS



YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, mencuba aktiviti sukan yang diadakan di sekitar Putrajaya

### Sambutan Hari Inovasi KBS 2023

31 Oktober 2023 | Podium, Menara KBS




Shahrul Affendi Bin Baharudin Pengarah Kemahiran Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia hadir bagi pelancaran Sambutan Hari Inovasi KBS 2023



Warga KBS melakukan aktiviti di sekitar kawasan menara KBS

### Pestabola Merdeka 2023

17 Oktober 2023 | Stadium Nasional Bukit Jalil



YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan menyarungkan pingat kepada pemain bola sepak Malaysia



Warga Malaysia memenuhi stadium bagi menyokong pasukan bola sepak tanah air

## November

**Background Malaysia : Road To Gold Grand Final**

4 November 2023 | Putrajaya International Convention Centre (PICC)

Tarian yang di persembahkan oleh para peserta Road to Gold : *Background*

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan dan YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan

**Majlis Penyampaian Anugerah Perdana Belia Negara Tahun 2023**

11 November 2023 | Auditorium Cempaka Sari, Putrajaya



YB Hannah Yeoh memberikan hadiah kepada pemenang Kategori Pertubuhan Belia iaitu Persatuan Belia (MBFM) Felda Kerteh



YB Hannah Yeoh juga memberikan hadiah kepada Cikgu Intan Zulaikha Binti Jusoh bagi Anugerah Khas Inspirasi

**Majlis Perasmian Penutup Projek Reben Kuning 2023**

29 November 2023 | Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka



Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangaytkarasu hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Projek Reben Kuning 2023 bertempat di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka



Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangaytkarasu menyampaikan Sijil Penghargaan kepada tenaga pengajar Projek Reben Kuning 2023 bertempat di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka

**Majlis Penutup ASEAN Women in Sports Conference 2023**

17 November 2023 | Subang Jaya



YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan dan atlet gimnastik Malaysia, Farah Ann hadir di Majlis Penutup ASEAN Women in Sports Conference 2023 di Subang Jaya



Persidangan yang berlangsung selama tiga hari bermula pada 14 November 2023 menghimpunkan pemimpin, penggiat-penggiat sukan dan legenda Sukan Asia Tenggara dan disertai 12 wakil negara ASEAN dan 100 orang peserta daripada pelbagai Kementerian, Majlis-majlis Sukan Negeri dan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan

## November

### Projek Tongkat: *Stand With Palestine*

27 November 2023 | Padang Sintetik Persint 8, Putrajaya



YB Hannah Yeoh juga turut menyertai perlawanan bola sepak tersebut



Pemain bola sedang beraksi di Padang Sintetik Persint 8, Putrajaya



Program yang melibatkan perlawanan bola sepak antara pasukan *Malaysia Amputee Football vs Team Aqil* ini turut menampilkan beberapa pemain bola sepak



YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan hadir di program jelajah Projek Tongkat: *Stand With Palestine*

## Disember

### Majlis Pentauliah Emas Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) Tahun 2023

7 Disember 2023 | Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil



YB Adam Adli menyampaikan sijil Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda kepada peserta yang terlibat



YB Adam Adli bersama pemenang Anugerah Emas bagi Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda

### Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI

8-10 Disember 2023 | Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil



Sesi temubual bersama atlet Malaysia di ruai Kementerian Belia dan Sukan (KBS)



Orang ramai mengunjungi ruai Kementerian Belia dan Sukan bagi sesi temubual bersama atlet Malaysia



# KISAH KEJAYAAN



KISAH KEJAYAAN #1

## PROGRAM RAKAN MUDA

### “ Meneruskan Tradisi, Menjadikan Belia MADANI Kalis Masa Depan.

Pada tahun 1994, sebuah program hebat yang dijenamakan sebagai Rakan Muda dilancarkan untuk menyemai semangat patriotisme, kesukarelaan, dan jati diri dalam kalangan belia. Sejak itu, banyak generasi muda telah lahir dan dibentuk melalui program ini.

Namun, seperti yang kita tahu, dunia sentiasa berubah gaya hidup, ekonomi, dan teknologi berkembang dengan pesat. Jadi, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memutuskan sudah tiba masanya untuk memberikan nafas baru kepada Rakan Muda yang sudah hampir 30 tahun ini.

Pada 23 Jun 2023, di UKM, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah melancarkan Program Rakan Muda yang diberi nafas baharu. Dalam majlis yang meriah ini, Perdana Menteri memperkenalkan 10 gaya hidup baru yang akan diterapkan dalam program tersebut. Antara gaya hidup yang diperkenalkan ialah Rakan Demokrasi, Rakan Litar,



Rakan Aktif, Rakan Bumi, Rakan Digital, Rakan Ekspresi, Rakan Muzik, Rakan Mahir, Rakan Niaga, dan Rakan Prihatin.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri mengingatkan bahawa belia perlu menghindari pemikiran lapuk dan unsur yang boleh memecah-belahkan perpaduan negara. Sambil bercakap dengan penuh mesra, beliau menggelarkan dirinya sebagai 'Pak Cik Anwar' kepada lebih 1000 peserta yang hadir. Menurutnya, Rakan Muda bukan sahaja mempersiapkan generasi muda dengan nilai persaudaraan tetapi juga menolak rasuah dan hipokrisi.

Program ini bertujuan membina generasi yang menghormati satu sama lain, menyokong kebaikan, memahami teknologi baru, serta menolak rasuah dan kebencian terhadap kaum lain antara amanat yang diberikan oleh YAB Perdana Menteri.

Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan akan sentiasa menyokong anak muda dengan apa sahaja yang diperlukan. “Apa yang saya harapkan adalah agar saudara-saudari peka dengan dunia yang penuh cabaran ini. Media sosial boleh menggugat keputusan baik kita. Satu kesilapan boleh menghukum negara,” pesannya.



KBS turut berharap dengan Rakan Muda yang diberikan nafas baharu ini, lebih ramai anak muda akan terlibat, dengan sasaran penyertaan lebih satu juta golongan berusia 15 hingga 30 tahun. Beliau mencadangkan agar setiap Kementerian yang mempunyai program belia menggunakan platform Rakan Muda ini sebagai wadah untuk mencapai golongan tersebut. Contohnya, program kewangan oleh Kementerian Kewangan boleh diletakkan di bawah Rakan Niaga.



YB Hannah Yeoh juga memberi jaminan bahawa aktiviti di peringkat negeri akan diberi kebebasan mengikut hala tuju masing-masing, namun KBS akan sentiasa memantau untuk memastikan semuanya berada di landasan yang betul.

Beliau turut menekankan pentingnya Rakan Demokrasi, dengan tujuan mendidik belia tentang hak mengundi dan kepentingan demokrasi. Kementerian Belia dan Sukan juga berkomitmen untuk bekerjasama dengan rakan strategik seperti FoodPanda, Grab, Lazada, dan Shopee untuk menjayakan program ini.



Dengan langkah baru ini, Program Rakan Muda diharapkan dapat terus relevan dan berkesan dalam membentuk generasi masa depan yang cemerlang.

Sehingga 31 Disember 2023, seramai 1,112,334 orang telah menyertai dan mendapat manfaat dari 4,132 jumlah program Rakan Muda yang dilaksanakan melalui 10 gaya hidup Rakan Muda. Program ini akan diteruskan bagi memastikan belia MADANI kalis dengan segala cabaran dan pembaharuan masa depan. ■



## KISAH KEJAYAAN #2

## ROAD TO GOLD (RTG)

## “Usaha KBS Untuk Raih Pingat Emas di Olimpik.

Olimpik menjadi salah satu acara sukan paling dinanti-nantikan di seluruh dunia, dan setiap kali ia datang, ia menjadi pentas utama bagi atlet untuk menunjukkan kebolehan mereka. Sukan Olimpik seterusnya bakal diadakan di Paris pada tahun 2024, dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) baru-baru ini mengumumkan satu jawatankuasa baru yang dinamakan *Road To Gold* (RTG) untuk memastikan Malaysia berjaya meraih pingat emas.

Program RTG ini sebenarnya adalah tambahan kepada Program Podium yang sudah ada, yang memang bertujuan untuk mempersiapkan atlet elit di bawah Institut Sukan Negara (ISN). Tetapi, RTG ini membawa lebih banyak lagi kelebihan, seperti latihan harian, latihan di luar negara, pendedahan kepada pertandingan, dan juga sokongan tambahan daripada jurulatih, pakar sains sukan, perubatan, dan bina badan.

Satu perkara penting tentang RTG adalah ia bukan hanya fokus pada Olimpik 2024 di Paris, tapi juga dirancang untuk Olimpik Los Angeles 2028. Jadi, mereka bukan hanya memikirkan kejohanan yang akan datang, tapi juga masa depan yang lebih jauh.

### Siapa dalam Jawatankuasa RTG?

Jawatankuasa RTG ini diketuai oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh, bersama-sama dengan beberapa individu hebat lain seperti:

#### Pengerusi Bersama:

- YB Hannah Yeoh
- Tan Sri (Dr.) Norza Zakaria
- Datuk Haji Hamidin bin Haji Mohd. Amin (Ahli Majlis FIFA), sebagai Chef de Mission
- Datuk Nicol Ann David, Timbalan Chef de Mission




#### Ahli Jawatankuasa:

- Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha, Kementerian Belia dan Sukan
- Dato' Ahmad Shapawi bin Ismail, Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara (MSN)
- Ahmad Faedzal bin Mohd. Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Sukan Negara (ISN)
- Dato' Ahmad Najmi bin Abdul Razak
- Datuk Wira (Dr.) Lee Chong Wei
- Dato' Mirnawan bin Datuk Haji Nawawi
- Stuart Ramalingam, Penyelaras Projek
- Michelle Chai, Pembantu Penyelaras Projek

#### Siapa Atlet yang Terlibat?

Pada sidang media yang diadakan pada 5 April 2023 di Menara KBS, YB Hannah Yeoh mengumumkan senarai 15 atlet yang akan menyertai RTG. Antara atlet yang terpilih adalah:

- **Basikal Negara:** Datuk Mohd Azizulhasni Awang dan Muhammad Shah Firdaus Sahrom
- **Badminton:** Lee Zii Jia, Aaron Chia dan Soh Wooi Yik (beregu lelaki), Ong Yew Sin dan Teo Ee Yi (beregu lelaki), Pearly Tan dan M. Thinaah (beregu wanita), Tan Kian Meng dan Lai Pei Jing (beregu campuran), Goh Soon Huat dan Shevon Lai Jemie (beregu campuran)
- **Akuatik Terjun:** Datuk Pandalela Rinong Pamg dan Nor Dhabitah Sabri



YB Hannah Yeoh juga menambah, *“Senarai ini mungkin berubah apabila kejohanan kelayakan ke Paris 2024 bermula. Semua ini tertakluk kepada keputusan jawatankuasa RTG dan pemantauan berkala.”*

### Bajet dan Pelan Program

Mesyuarat rasmi pertama jawatankuasa ini berlangsung pada 6 April 2023, dan antara topik perbincangan termasuk bajet, keperluan atlet, dan status kemajuan mereka. YB Hannah Yeoh mengumumkan bahawa jawatankuasa telah meluluskan bajet besar berjumlah RM6.9 juta untuk RTG. Selain itu, setiap atlet juga akan menerima elaun khas sebanyak RM3,000 sebulan, di luar bajet Program Podium.

Program RTG ini dirancang sebagai usaha berterusan dalam pembangunan atlet, dengan fokus utama pada Olimpik Paris 2024, dan akan diteruskan untuk Olimpik Los Angeles 2028. KBS berharap melalui program ini, Malaysia akan berjaya meraih sekurang-kurangnya satu pingat emas. ■



## KISAH KEJAYAAN #3

# BATTLEGROUND MALAYSIA: ROAD TO GOLD

## “ Mengangkat Bakat Penari ‘Street Dance’ Malaysia.

Pernahkah anda terfikir tentang nasib penari-penari ‘street dance’ yang sering kita lihat di jalanan? Selama ini, ramai orang hanya melihat aktiviti ini sebagai hiburan semata-mata, tanpa memberi perhatian kepada potensi yang ada. Namun, pandangan itu mula berubah apabila Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mula melihat peluang besar dalam bidang ini.

Untuk mempromosikan bakat-bakat ‘street dance’ di Malaysia, KBS dengan kerjasama Astro telah melancarkan rancangan realiti TV yang dinamakan *Battleground Malaysia: Road to Gold*. Rancangan ini mula ditayangkan pada September 2023 di saluran Astro Ria, setiap malam Jumaat jam 10. Program ini adalah sebahagian daripada inisiatif Rakan Muda yang telah diperbaharui dengan konsep Rakan Ekspresi dan Rakan Muzik.



Seramai 342 peserta telah menyertai sesi uji bakat secara atas talian yang bermula pada 17 Jun 2023. Dari jumlah tersebut, 130 peserta telah disenarai pendek untuk sesi uji bakat secara langsung. Dalam episod pertama dan kedua yang dikenali sebagai *The Destiny*, seramai 66 peserta terpilih. D daripada jumlah itu, hanya 40 peserta sahaja yang akan bertanding dalam pertandingan berpasukan, manakala 26 peserta layak ke pusingan akhir untuk merebut gelaran juara.



Program ini bukan sekadar pertandingan tarian, tetapi juga bertujuan untuk mendidik belia Malaysia tentang semangat kerja berpasukan, ketabahan, mengejar kecemerlangan, dan perpaduan. Ia sesuai dengan objektif untuk merayakan rakyat Malaysia berumur antara 10 hingga 40 tahun dari pelbagai latar belakang etnik dan sosial, sambil memperkenalkan jenama Rakan Muda yang baru. Selain itu, program ini juga berhasrat untuk mencungkil bakat belia yang berpotensi mewakili Malaysia di pentas antarabangsa.

*Battleground Malaysia: Road to Gold* adalah pertandingan sukan tarian 'street dance' terbesar di Malaysia. Dalam rancangan ini, penari-penari terbaik negara akan berentap di atas pentas yang sama. Ada empat kapten tarian terkenal yang akan memilih pasukan mereka, masing-masing terdiri daripada 10 penari terbaik berdasarkan kemahiran menari. Kapten-kapten ini adalah pemenang pingat emas Sukan SEA acara *Breaking*, Lego Sam; wakil Malaysia ke Sukan SEA, Khenobu; ahli kumpulan muzik 3P, Danny Lee; dan juara *Astro Battleground* 2010 & 2011, Seven. Setiap kapten akan menguji kemahiran penari mereka melalui pelbagai cabaran menarik.



Rancangan ini dihoskan oleh Sherry Alhadad, Dennis Yin, dan Saint TFC dalam tiga bahasa, manakala Zizan Razak, pelawak dan penyanyi rap terkenal, bertindak sebagai juri tetap. Setiap minggu, Zizan akan dibantu oleh juri jemputan lain.

Menurut Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh, "*Breaking* adalah sukan terbaru yang akan diperkenalkan di Sukan Olimpik Paris 2024. Dengan *Battleground Malaysia: Road to Gold*, kementerian komited untuk membantu penari-penari berbakat dengan memantapkan kemahiran mereka dan mencari lebih ramai bakat untuk mewakili Malaysia di pentas antarabangsa, termasuk Sukan Olimpik."

Pada malam kemuncak *Battleground Malaysia: Road to Gold* yang diadakan pada 3 November 2023, Team Danny muncul sebagai juara dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM100,000. Naib Johan dimenangi oleh Team Legosam dengan hadiah RM30,000, manakala Team Seven mendapat tempat ketiga dengan RM25,000 dan trofi. Dalam kategori individu, Kayllash Thiagarajan, atau Kay dari Team Danny, dinobatkan sebagai juara dan meraih RM25,000 serta trofi.

*Grand finale* ini berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya dan dirasmikan oleh YB Hannah Yeoh bersama timbalannya, YB Adam Adli. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu.

KBS berharap *Battleground Malaysia: Road to Gold* akan menjadi platform yang hebat untuk mencungkil dan memperkasa bakat belia Malaysia. Dengan peluang, mentor, dan latihan daripada pakar profesional, diharapkan generasi baru atlet Malaysia akan bersinar di pentas dunia. Program seperti ini sememangnya wajar diteruskan bagi mendekati belia, terutama di kawasan luar bandar. ■

## KISAH KEJAYAAN #4

## KLAS RENANG

## “Percuma Buat Golongan B40 dan Warga Emas.”

“Kira-kira 500 kes lemas melibatkan kanak-kanak dilaporkan setiap tahun.”

Fakta ini dibentangkan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 peringkat jawatankuasa bagi kementerian itu di Dewan Rakyat pada awal 2023.





Sehubungan dengan itu, KBS mengumumkan pelaksanaan kelas renang percuma di beberapa negeri terpilih. Program Kemahiran Latihan Asas Sukan: Renang (KLAS Renang) ini dijalankan secara percuma untuk rakyat Malaysia terutamanya kanak-kanak.

Kelas renang yang disasarkan khusus untuk golongan B40 ini mendedahkan kepada kumpulan sasaran mengenai teknik asas berenang yang mampu menyelamatkan nyawa. Ia juga dapat meningkatkan ilmu peserta tentang kaedah berenang yang betul dan selamat. Kelas ini juga bertujuan membantu para peserta mengatasi ketakutan di dalam air.

Program KLAS Renang Fasa 1 yang bermula pada Mei 2023 mendapat reaksi positif daripada golongan sasar. Seramai 739 peserta dalam kalangan kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun melengkapkan pembelajaran dan latihan renang sepanjang program ini berlangsung. Secara purata, 90% daripada mereka menguasai kemahiran asas berenang terutamanya pembinaan keyakinan di dalam air (*water confidence*) dan pelbagai teknik kemahiran renang. Selain itu, 200 peserta projek rintis Program KLAS renang ini juga diperluaskan kepada warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) di lokasi terpilih di Johor dan Negeri Sembilan.

Program ini turut mendapat kerjasama strategik dengan Allianz Malaysia Berhad, Nestle Products Sdn. Bhd., Decathlon (M) Sdn. Bhd. dan Pos Malaysia Berhad.



PESERTA	JUMLAH	PESERTA	JUMLAH
	20		40
4 - 6 Tahun		Warga emas	
	859		20
6 - 12 Tahun		OKU	

**JUMLAH KESELURUHAN: 939**

Semoga usaha ini dapat memperkasa hasrat KBS dalam membudaya dan merakyatkan sukan selaras dengan aspirasi di bawah Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030) dan kerangka Malaysia MADANI. ■



#### KISAH KEJAYAAN #5

## STADIUM PERCUMA UNTUK HARI SUKAN SEKOLAH

### “ Impian Menjadi Kenyataan!

Bayangkanlah betapa gembiranya apabila hari sukan sekolah diadakan di stadium yang hebat seperti Stadium Nasional Bukit Jalil. Pasti pentadbir dan guru-guru di sekolah teringin sangat untuk melihat pelajar-pelajar mereka beraksi di pentas besar ini. Dan kini, impian itu menjadi kenyataan!

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada 25 Julai 2023 telah mengumumkan berita yang sangat mengujakan. Kini, semua fasiliti di bawah Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) boleh digunakan oleh sekolah-sekolah secara percuma untuk hari sukan mereka hingga tahun 2025. Jadi, selain dari Stadium Nasional Bukit Jalil, ada juga dua stadium lain yang turut boleh ditempah iaitu Kompleks Sukan Jalan Duta dan Kompleks Sukan Bukit Kiara.

Sejak pengumuman itu, PSM telah menerima 19 permohonan, dan 17 daripadanya sudah diluluskan sehingga Disember 2023. Dianggarkan seramai 12,300 peserta terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan menengah telah mendapat manfaat dari inisiatif ini.

“Ini selaras dengan pengumuman sebelum ini bahawa kita nak fokus olahraga sebagai satu sukan pembangunan akar umbi di peringkat sekolah. Saya mahu murid rasai pengalaman berlari 100 meter di SNBJ kerana ia mungkin beri inspirasi kepada mereka untuk menjadi atlet,” kata YB Hannah Yeoh.

Sekolah-sekolah kini boleh merancang pelbagai aktiviti sukan, seperti Hari Sukan atau pertandingan bola sepak antara sekolah di stadium-stadium hebat ini.

Tempahan untuk penggunaan percuma ini bergantung pada kekosongan jadual. Jadi, jangan lupa untuk membuat tempahan lebih awal! ■



# PENCAPAIAN KBS

## 1

# TEMASYA SUKAN SEA KE-32 KEMBOJA 2023



Temasya Sukan SEA ke-32 di Kemboja berlangsung dari 5 hingga 17 Mei 2023, melibatkan kontinjen Malaysia yang terdiri daripada 677 atlet (403 wanita dan 274 lelaki) serta 237 pegawai. Malaysia telah meraih 34 pingat emas, 45 perak dan 97 gangsa.

Strategi Kementerian Belia dan Sukan (KBS) kali ini adalah untuk memberikan peluang kepada atlet pelapis untuk menyertai Sukan SEA. Dari keseluruhan 677 atlet, 65% atau 440 adalah atlet yang baru beraksi di temasya ini.

## Sumbangan Pingat

Sukan olahraga menjadi penyumbang terbesar, mengumpulkan 19 pingat (5 emas, 3 perak, dan 11 gangsa). Selain itu, sukan pencak silat, karate, dan acara terjun masing-masing menyumbang 4 pingat emas, sementara taekwondo membawa pulang 3 pingat emas.




### Kejayaan Atlet Muda

Beberapa kejayaan menonjol dicapai oleh atlet muda yang menyertai Sukan SEA buat pertama kali:

- **Umar Osman**, 20 tahun, memecahkan rekod kebangsaan 22 tahun dalam acara 400 meter lelaki dengan catatan masa 46.34 saat.
- **Ng Jing Xuen**, seorang atlet berusia 15 tahun, meraih pingat emas dalam sukan golf setelah mengalahkan pemain Thailand, pemenang Kejohanan Amatur Pasifik.
- **Lee Yiat Qing**, penerjun muda berusia 15 tahun, menunjukkan prestasi cemerlang dengan meraih emas dalam penampilan sulungnya.
- Dalam sukan pencak silat, atlet seperti **Muhammad Izzul Irfan**, **Muhammad Danial Azray**, **Azrol**, dan **Norsyakirah Muksin** juga menyumbang 3 pingat emas.

Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh, menyatakan, "Kami akan meneliti data yang ada selepas temasya ini untuk mengenal pasti atlet cemerlang. Kami ingin menilai sama ada kejayaan mereka disebabkan oleh jurulatih, latihan luar negara, atau faktor lain. Untuk sukan yang berjaya, kami akan meningkatkan dana bagi pembangunan sukan tersebut."

Dengan pencapaian ini, kontinjen Malaysia telah menunjukkan potensi besar dan komitmen dalam pembangunan sukan, terutamanya bagi atlet muda.



## 2

# WIRA EMAS NEGARA DARI SUKAN PARA ASEAN 2023



Sukan Para ASEAN diadakan dari 3 hingga 9 Jun 2023 di Phnom Penh, Kemboja. Kontinjen Malaysia menampilkan prestasi cemerlang pada temasya sukan ini dengan membawa pulang 50 emas, 38 perak dan 34 gangsa sekaligus melepasi sasaran 33 emas yang disasarkan.

Seramai 144 atlet dengan 62 daripadanya membuat penampilan sulung di pentas berprestij itu berjaya menduduki tangga keempat carta pingat dalam kalangan 11 negara-negara ASEAN yang mengambil bahagian.












Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ketika ditemui pada majlis sambutan kepulangan kontinjen para negara berkata,

*“Kontinjen ini memberikan kita pingat hampir dua kali ganda daripada sasaran, bayangkan mereka semua ‘kelainan upaya’ dan saya berbangga dapat menyambut kepulangan mereka.”*

Kepulangan atlet berkenaan turut disambut meriah oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh dan ahli keluarga atlet.




### Jumlah kutipan pingat Sukan Para ASEAN 2023 mengikut acara sukan

Sukan	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
 Olahraga	14	15	10	39
 Badminton	3	1	6	10
 Bola Sepak Buta	0	1	0	1
 Boccia	1	0	1	2
 Bola Sepak 7 Sebelah	1	0	0	1
 Goalball	0	0	1	1
 Judo	1	0	1	2
 Powerlifting	2	6	2	10
 Renang	26	12	10	48
 Ping Pong	2	3	1	6
 Bola Keranjang Kerusi Roda	0	0	2	2
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>50</b>	<b>38</b>	<b>34</b>	<b>122</b>



## 3

## KEJAYAAN TVET ILKBS DI WORLDSKILLS ASIA ABU DHABI 2023



Kejayaan cemerlang pelajar-pelajar dari Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dalam pertandingan *WorldSkills Asia Abu Dhabi 2023* menjadi satu pencapaian yang membanggakan bagi Malaysia. Acara ini diadakan dari 27 hingga 29 November 2023 di *Abu Dhabi National Exhibition Centre*, di mana dua pelajar ILKBS terpilih mewakili negara.

### Pencapaian Pelajar

1. **Muhammad Nasran bin Ahmad** dari IKBN Kemasik, 21 tahun, telah menunjukkan prestasi luar biasa dalam bidang *Hairdressing*. Sebelum ini, Nasran telah meraih pingat emas di *WSMB 2022* dan di *WorldSkills ASEAN 2023* di Singapura, sebelum menambah koleksi pingatnya dengan meraih emas di Abu Dhabi setelah menjalani latihan intensif.
2. **Muhaimin Iskandar bin Zaidi** dari IKTBN Dusun Tua, 22 tahun, juga mencapai kejayaan yang membanggakan dalam bidang *Electrical Installation*. Beliau telah membawa pulang pingat perak di *WSMB 2022* dan emas di *WorldSkills ASEAN 2023* sebelum meraih perak di Abu Dhabi.

Kedua-dua pelajar ini telah menjalani latihan intensif dengan jurulatih dan pakar negara yang mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran di peringkat antarabangsa.

Mereka berjaya mengharumkan nama Malaysia dengan membawa pulang 1 pingat emas dan 1 pingat perak, sekali gus membuktikan keunggulan program TVET ILKBS dalam melahirkan tenaga mahir yang kompetitif.

### Inspirasi untuk Generasi Muda

Muhammad Nasran dan Muhaimin Iskandar bukan sahaja mencatatkan kejayaan peribadi, tetapi juga menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk berusaha gigih mengejar impian. Muhaimin berkata, "Saya sama sekali tidak menyangka dapat membawa pulang pingat emas untuk negara kerana menerima persaingan sengit daripada peserta-peserta negara ASEAN. Saya merupakan peserta bagi bidang '*Electrical Installations*' dan pada pertandingan itu saya perlu melengkapkan tiga modul yang diberikan untuk memperoleh tempat pertama."

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berharap agar lebih ramai pelajar ILKBS yang berpotensi dapat dihantar ke pertandingan seperti *WorldSkills* di masa hadapan. KBS ingin menggalakkan lebih ramai pelajar dan anak muda di luar sana untuk menceburi bidang TVET, menjadikan kejayaan ini sebagai inspirasi untuk mereka.

Dengan pencapaian ini, TVET ILKBS telah membuktikan komitmennya dalam melahirkan tenaga kerja yang berkualiti dan mampu bersaing di peringkat global.



## 4












## 103 JENIS SUKAN TERSENARAI DALAM PERINTAH PEMBANGUNAN SUKAN


















































Pada 9 Mac 2023, Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama) 2023 [P.U. (A) 60/2023] telah dikeluarkan, berdasarkan peruntukan Seksyen 37 Akta 576. Pindaan ini, yang berkuat kuasa mulai 10 Mac 2023, memperkenalkan senarai terkini yang mengandungi 103 jenis sukan, meningkat daripada hanya 51 jenis sukan sebelum ini.

Senarai ini telah dikemaskini buat kali pertama sejak tahun 2004, dan kini merangkumi sukan-sukan terkini serta sukan-sukan baru yang diiktiraf. Selain itu, beberapa sukan sedia ada juga telah dinamakan semula mengikut saranan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM).

Perubahan ini bukan sahaja mencerminkan perkembangan dunia sukan, tetapi juga komitmen untuk mempromosikan dan memperkayakan landskap sukan di negara kita.



-  **1 | Aikido**
-  **2 | Akuatik**  
Diving  
High Diving  
Menyelamat  
Polo Air  
Renang  
Renang Air Terbuka  
Renang Artistik
-  **3 | American Football**  
Flag football
-  **4 | Angkat Berat**  
Powerlifting
-  **5 | Badminton**
-  **6 | Baling Damak**
-  **7 | Basque Pelota**
-  **8 | Belayar**  
Kapal layar  
Kiteboarding  
Pelayaran  
Perahu Layar
-  **9 | Berbasikal**  
BMX  
Cyclo-Cross  
Mountain Bike  
Polo Basikal  
Pushbike  
Strider Bike  
Basikal Dalam Gelanggang
-  **10 | Berkanu**  
Berakit  
Berkayak  
Standup Paddling
-  **11 | Berski**  
Ski Mountaineering  
Snowboard
-  **12 | Besbol**
-  **13 | Biatlon**
-  **14 | Biliard**  
Carom Billiard  
Pool  
Snooker
-  **15 | Bina Badan**
-  **16 | Boccia**
-  **17 | Bola Baling**  
Bola Baling Pantai
-  **18 | Bola Jaring**
-  **19 | Bola Keranjang**
-  **20 | Bola Sepak**  
Bola Sepak Mini  
Bola Sepak Pantai  
Futsal
-  **21 | Bola Tampar**  
Bola Tampar Pantai  
Footvolley
-  **22 | Boling**
-  **23 | Boling Padang**
-  **24 | Boules**  
Lyonnaise/Bocce  
Petanque  
Raffa
-  **25 | Cakera Terbang**
-  **26 | Capoeira**
-  **27 | Catur**  
Chaturanga  
Xiang Qi
-  **28 | Dam**  
Go  
Weiqi
-  **29 | Daun Terup**
-  **30 | Dodgeball**
-  **31 | Fistball**
-  **32 | Gasing**
-  **33 | Gimnastik**  
Aerobik  
Akrobatik  
Artistik  
Berirama  
Parkour  
Trampolin  
Estetik
-  **34 | Goalball**
-  **35 | Golf**  
Footgolf  
Minigolf
-  **36 | Gusti**  
Grappling  
Kurash  
Pankration  
Sumo
-  **37 | Gusti Lengan**
-  **38 | Hapkido**
-  **39 | Hoki**  
Floorball  
Hoki ais  
Hoki dewan  
Hoki padang
-  **40 | Ice Stock Sport**
-  **41 | Judo**  
Iaido
-  **42 | Jujitsu**  
Brazilian Jiu Jitsu
-  **43 | Kabadi**
-  **44 | Karate**  
Tang Soo Do
-  **45 | Kecergasan**  
Aerodance  
Arnis  
Chenshi Taijiquan  
Guolin Qigong  
J. Robik  
Senamrobik  
Steprobic  
Street Workout and Calisthenics  
Sukan Orang Kuat  
Taiji Qigong  
Tern Yun Gong  
Xiang Gong  
Sukan Larian Halangan
-  **46 | Kempo**
-  **47 | Kendo**
-  **48 | Korfball**  
Beach Korfball
-  **49 | Kriket**
-  **50 | Kurling**
-  **51 | Lacrosse**
-  **52 | Larian Menara**
-  **53 | Lawan Pedang**
-  **54 | Lompat Tali**

-  **55 | Luncur**  
Kitesurfing  
Luncur Air  
Luncur Ombak  
Skimboarding  
Wakesurfing  
Waterski and Wakeboard  
Windsurfing
-  **56 | Meluncur**  
Inline Skating  
Luncur Ais  
Roller Skating  
Skateboarding
-  **57 | Memanah**  
Memanah Berkuda  
Memanah Tradisional
-  **58 | Mendaki**  
Mountaineering
-  **59 | Mendayung**
-  **60 | Menembak**  
Menembak Praktikal
-  **61 | Olahraga**  
Larian  
Trail Running  
Ultra Running  
Lumba Jalan Kaki
-  **62 | Orienteering**
-  **63 | Paintball**
-  **64 | Pasukan Sorak**
-  **65 | Pentation Moden**
-  **66 | Perahu Naga**
-  **67 | Pickleball**
-  **68 | Pingpong**
-  **69 | Polo**
-  **70 | Ragbi**  
Ragbi Sentuh
-  **71 | Rekreasi**  
Jombola  
Karom  
Layang-layang  
Rubik  
Scrabble  
Table Foosball  
Wiser Sport  
Tree Climbing  
Padle  
Slingshot  
Unicycle
-  **72 | Roundnet**
-  **73 | Sambo**
-  **74 | Sepak Takraw**  
Sepak Naga  
Sepak Raga Bulatan  
Sepak Raga Tuju
-  **75 | Silambam**
-  **76 | Silat Olahraga**
-  **77 | Skuasy**
-  **78 | Sofbol**
-  **79 | Stacking Sports**
-  **80 | Sukan Bermotor**  
ATV  
Go Kart  
Kereta Kawalan Jauh  
Motocross  
Motosikal  
Pacuan Empat Roda  
Pocket Bike
-  **81 | Sukan Bot Laju**  
Jet Ski  
Bot Kawalan Jauh
-  **82 | Sukan dalam Air**  
Finswimming  
Free Diving  
Hoki dalam Air  
Ragbi dalam Air  
Scuba  
Sport Diving  
Underwater Orienteering
-  **83 | Sukan Ekuestrian**  
Berkuda  
Tent Pegging
-  **84 | Sukan Elektronik**
-  **85 | Sukan Gelongsor**  
Bobsleigh and Skeleton  
Luge
-  **86 | Sukan Memancing**
-  **87 | Sukan Tarian**
-  **88 | Sukan Tradisional**  
Congkak  
Khokko  
Menyumpit  
Sepak Bulu Ayam
-  **89 | Sukan Udara**  
Aeromodelling  
Akrobatik  
BASE Jumping  
Belon Panas  
Drones  
General Aviation  
Hang Gliding  
Microlights  
Parachute  
Paragliding  
Paramotor  
Skydiving
-  **90 | Sukan Yoga**
-  **91 | Tae Kwan Do**  
Chun Kuhn Do  
Moo Duk Kwan  
Soo Bahk Do  
Yungmudo
-  **92 | Tarian Naga dan Singa**
-  **93 | Tarik Tali**
-  **94 | Tchoukball**
-  **95 | Tenis**  
Tenis Pantai  
Tenis Ringan
-  **96 | Teqball**
-  **97 | Throwball**
-  **98 | Tinju**  
Muay  
Mixed Martial Arts  
Kickboxing  
Tomoi
-  **99 | Torball**
-  **100 | Triathlon**  
Duathlon  
Aquathlon
-  **101 | Vovinam**
-  **102 | Woodball**
-  **103 | Wushu**  
Kung fu  
Kuoshu  
Sanda  
Shaolin  
Tai chi  
Wing chun  
Wushu Dao

## 5

## PROGRAM SKRIN BESAR: MEMUPUK SEMANGAT SUKAN DAN PERPADUAN



Pada Januari 2023, Kementerian Belia dan Sukan mengumumkan penganjuran acara Tayangan Skrin Besar sebagai inisiatif untuk membolehkan orang ramai menikmati acara sukan secara langsung. Program ini bertujuan bukan sahaja untuk memupuk minat bersukan dalam kalangan generasi muda, tetapi juga untuk mempereratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Acara pertama program ini diadakan pada 25 Januari 2023, di 16 lokasi seluruh negara, dengan penyertaan yang menggalakkan. Sepanjang tahun 2023, program ini telah dilaksanakan di 177 lokasi dan mencatatkan penyertaan keseluruhan seramai **258,211 orang**.



Antara acara Tayangan Skrin Besar yang telah diadakan termasuk:

- Pestabola Merdeka
- Perlawanan Malaysia vs India
- Final Pestabola Merdeka: Malaysia vs Tajikistan
- Final Piala FA: JDT vs KL City FC
- Separuh Akhir 1 dan 2 AFF Mitsubishi Electric 2022

Selain bola sepak, program ini juga merancang untuk menayangkan acara sukan lain seperti hoki dan badminton, memberikan lebih banyak pilihan kepada peminat sukan.

Program ini dijayakan melalui kerjasama dengan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara. Ini bukan sahaja memudahkan penganjuran acara, tetapi juga membantu dalam memupuk semangat perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia. Acara Tayangan Skrin Besar memberi peluang kepada penyokong pasukan Malaysia untuk menyaksikan aksi secara langsung, di samping meluangkan masa berkualiti bersama keluarga dan komuniti setempat.

Dengan kejayaan yang dicapai, Program Skrin Besar membuktikan ia adalah platform yang berkesan untuk menggalakkan penyertaan dalam sukan dan membina hubungan yang lebih erat dalam masyarakat.



## 6

# SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA 2023: “INI MASA KITA”



Sambutan Hari Belia Negara (HBN) 2023 telah diadakan pada 28 Mei 2023 di Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson, Negeri Sembilan. Acara ini dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, dan menarik kehadiran lebih 10,000 orang dengan tema yang penuh makna, “Ini Masa Kita”.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menekankan pentingnya peningkatan penyertaan belia wanita, menegaskan bahawa beliau mahu sekurang-kurangnya 30 peratus daripada setiap peringkat persatuan diisi oleh belia wanita. Beliau menyatakan, “Sambutan Hari Belia Negara 2023 bukanlah sekadar sambutan biasa, sebaliknya ia memberi lonjakan semangat dan ruang kepada anak muda Malaysia untuk bersuara dengan lebih berkesan.”

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri juga mengumumkan peruntukan sebanyak RM5 juta setahun kepada Majlis Belia Malaysia (MBM). Beliau menggesa agar peruntukan ini digunakan untuk memperhebat program-program ekonomi dan latihan kebajikan, serta meningkatkan kesedaran

belia tentang tanggungjawab mereka dalam menyelamatkan negara.

Acara ini turut dihadiri oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Datuk Seri Aminuddin Harun, Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh, serta Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim, dan Presiden MBM, Mohd Izzat Afifi Abdul Hamid.

YB Hannah Yeoh dalam kenyataannya berkata, “Tafsiran saya pada tema ini sedikit berbeza. Bagi saya, ini masa kita sebagai kerajaan untuk melihat dengan serius, apa yang boleh kita lakukan untuk golongan belia. Ini masanya untuk kita membentuk jaringan kerjasama untuk membentuk satu ekosistem kuat untuk belia, dengan berpegang kepada enam nilai MADANI.”

Dengan semangat dan komitmen yang ditunjukkan, Sambutan Hari Belia Negara 2023 diharapkan dapat memberikan dorongan kepada generasi muda Malaysia untuk terus berusaha dan berinovasi demi masa depan yang lebih baik.

## 7

# SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA 2023



Pada 14 Oktober 2023, Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, telah merasmikan Sambutan Hari Sukan Negara (HSN) Peringkat Kebangsaan 2023 di Pekarangan Istana Kehakiman, Putrajaya. Dengan tema #FitMalaysia, program ini mencatatkan kehadiran lebih 30,000 peserta daripada pelbagai kaum, menunjukkan semangat perpaduan yang tinggi dalam masyarakat.

Hari Sukan Negara diadakan secara tahunan pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober, dan menjadi agenda nasional yang penting. Melalui sambutan ini, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berhasrat untuk membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat dengan menggalakkan

amalan gaya hidup cergas dan aktif. Ini sejajar dengan kerangka Malaysia MADANI dan Visi Sukan Negara 2030.

Sambutan tahun ini diisi dengan pelbagai aktiviti menarik, termasuk 66 acara sukan dan rekreasi yang berlangsung dari 13 hingga 15 Oktober 2023. Antara aktiviti yang dianjurkan adalah Jelajah Fit Malaysia (lari, berbasikal dan jalan kaki), senamrobik, bola keranjang 3X3, kabbadi, sukan elektronik, dan banyak lagi. Program-program mesra OKU, kanak-kanak, dan warga emas juga turut diadakan, termasuk Karnival *Inspire* OKU Aktif dan aktiviti sukaneka.

Majlis sambutan ini juga diserikan dengan kehadiran Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh, serta Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menegaskan, "Sebab itu saya lontarkan idea ini (MADANI), kerana saya yakin Malaysia akan selamat, bahagia dan cemerlang, sekiranya kita dapat yakinkan anak muda bangkit sebagai satu kesatuan, semangat perpaduan tulen tanpa mengira kaum dan budaya masing-masing."

Sementara itu, YB Hannah Yeoh menyatakan, "Perdana Menteri gembira melihat penyertaan ramai keluarga yang keluar bersama anak kecil dan semua aktiviti sukan dianjurkan untuk semua lapisan umur dan OKU," dalam sidang media selepas perasmian HSN 2023.

Dengan kejayaan sambutan ini, HSN 2023 telah membuktikan komitmen Malaysia untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan memperkukuhkan perpaduan di kalangan rakyat.



## 8

## CIKGU INTAN ZULAIKHA: PENERIMA ANUGERAH KHAS INSPIRASI APBN 2023



Pada 11 November 2023, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengadakan majlis Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) Peringkat Kebangsaan yang pertama kali memberi penghargaan khas kepada individu berinspirasi. Cikgu Intan Zulaikha Jusoh, 35 tahun, seorang guru dari Sekolah Kebangsaan Felda Lepar Utara 1, Jerantut, Pahang, telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Inspirasi di Auditorium Cempaka Sari, Perbadanan Putrajaya. Dalam majlis tersebut, Cikgu Intan menerima wang tunai sebanyak RM10,000 yang disampaikan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh.

Cikgu Intan mendapat perhatian luas apabila beliau berlari bersama anak muridnya, Muhammad Aqil Naufal Zahiran, 11 tahun, yang kudung sebelah kaki. Mereka menamatkan larian 100 meter menggunakan tongkat dalam Kejohanan Olahraga Pendidikan Khas. Tindakan Cikgu Intan untuk mendorong dan memotivasi Aqil telah tular di pelbagai platform media sosial, mendapat pujian daripada ramai pihak.

APBN merupakan platform pengiktirafan tertinggi untuk menghargai sumbangan dan pencapaian belia di Malaysia, yang telah bermula sejak 1988. Untuk tahun 2023, majlis ini menawarkan empat kategori anugerah utama, dua kategori anugerah khas, dan lima kategori ikon belia. Selain Cikgu Intan, penerima Anugerah Khas APBN 2023 juga termasuk pemain skuasy negara S. Sivasangari, yang menyumbang pingat emas pada Sukan Asia Hangzhou 2022.

Majlis ini turut dimeriahkan oleh kehadiran Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim, dan Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu.

Cikgu Intan, dalam keterangannya, menyatakan, ***"Saya berterima kasih atas anugerah ini. Sememangnya sebelum ini saya tidak tahu tindakan saya berlari dirakam... selepas dua hari baru tahu ia ditularkan, ini semua spontan."***

## Senarai Penerima Anugerah APBN 2023

### Kategori Pertubuhan Belia:

- 🏆 Persatuan Belia (MBFM) Felda Kerteh 03
- 🏆 Persatuan Belia (MBFM) Felda Pasoh 04
- 🏆 Junior Chamber International Malaysia

### Kategori Individu Lelaki:

- 🏆 Mohammad Syafiq Ridzwan bin Jamaluddin
- 🏆 Khairul Azhar bin Kamaruzaman
- 🏆 Muhammad Shohaimil Haffiz bin Salleh

### Kategori Individu Wanita:

- 🏆 Debbie Gibson Anak Medan
- 🏆 Khairunnisa binti Abu Samah
- 🏆 Nur Munirah binti Othman

### Kategori Emas Remaja Perdana:

- 🏆 Dineshkumar A/L Narayanasamy

### Kategori Anugerah Khas:

- 🏆 Sivasangari Subramaniam

### Kategori Anugerah Khas Inspirasi:

- 🏆 Intan Zulaikha binti Jusoh

### Kategori Ikon Belia Karismatik:

- 🏆 Dr. Muhammad Talhah bin Ajmain @ Jima'ain

### Kategori Ikon Belia Reka Tekno:

- 🏆 Dr. Alexander Choo Chia Chun

### Kategori Ikon Belia Kelestarian Alam:

- 🏆 Muhammad Naili Jazli bin Mohd Jamsari

### Kategori Ikon Youth - Biz:

- 🏆 Muhammad Al Ahnaf bin Mohd Roslan

### Kategori Ikon Belia OKU:

- 🏆 Mohd Faiz bin Shuhaimi

Dengan pengiktirafan ini, Cikgu Intan Zulaikha telah menjadi simbol inspirasi bagi generasi muda untuk terus berjuang dan memberi sumbangan kepada masyarakat.



## 9

## KOD SUKAN SELAMAT: MEWUJUDKAN PERSEKITARAN SUKAN YANG SELAMAT DAN BERINTEGRITI



Kod Sukan Selamat yang dibangunkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) adalah inisiatif penting yang menyediakan garis panduan mengenai persekitaran sukan yang selamat. Ia bertujuan menekankan peranan dan tanggungjawab semua pihak dalam menangani sebarang bentuk gangguan dan penderaan dalam sukan. Selain itu, kod ini juga berfungsi untuk memperkukuh aspek integriti dalam tadbir urus badan sukan serta ekosistem sukan negara secara keseluruhan.

Berlandaskan konsep MADANI, Kod Sukan Selamat menjanjikan kelestarian sosial yang kukuh. Masyarakat yang mapan secara sosial, berfungsi secara demokratik, dan mampu memberikan impak positif kepada mutu kehidupan adalah antara objektif utama kod ini. Kod ini dilancarkan pada 15 Mac 2023 di Menara KBS.



Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh, menyatakan,

*“Kod sukan ini memberi tafsiran kepada jenis salah laku yang berlaku dalam sukan berpandukan kepada garis panduan antara bangsa dan undang-undang tempatan. Kita yakin perincian kepada kod salah laku ini akan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap gangguan dan penderaan dalam sukan.”*

Dengan pelancaran Kod Sukan Selamat, KBS berharap agar semua pihak dapat berganding bahu untuk memastikan persekitaran sukan yang lebih selamat, inklusif, dan berintegriti bagi semua individu yang terlibat.



10

## PESTA RAKAN MUDA MUDI: MENGANGKAT SUARA BELIA DALAM DUA EDISI



Pesta Rakan Muda Mudi merupakan inisiatif di bawah Program Rakan Muda yang dilaksanakan dalam dua edisi untuk tahun 2023. Edisi pertama diadakan pada 9 September 2023 dengan tema Demokrasi Beraksi, diikuti oleh edisi kedua pada 18 November 2023 yang menumpukan pada Kesihatan Mental. Kedua-dua program ini berlangsung di Menara KBS, Putrajaya, dengan tujuan memberi pendedahan kepada golongan belia mengenai tema-tema penting tersebut.

Pada edisi pertama, program ini mengetengahkan elemen Rakan Demokrasi, Rakan Ekspresi, Rakan Muzik, dan Rakan Niaga. Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran generasi muda tentang kekayaan budaya, sejarah, seni, dan identiti negara. Program ini juga mendorong belia untuk mendalami bidang kesusasteraan dan seni. Aktiviti yang disediakan termasuk sesi kelas demokrasi, forum mengenai perjuangan wanita dan kemerdekaan, jualan keusahawanan belia, serta pameran seni visual. Beberapa personaliti terkenal juga dijadualkan untuk membuat penampilan istimewa di pesta tersebut.

Sementara itu, edisi kedua menyajikan pelbagai aktiviti menarik seperti Bicara Kerohanian, Perkongsian Idea dan Pengalaman, tayangan filem, dan persembahan artis. Pengunjung berpeluang menikmati persembahan istimewa daripada artis seperti Najwa Latif, Yonnibo, dan ramai lagi. Jualan oleh usahawan belia dan siaran luar RAKITA turut menambah keceriaan acara.

YB Timbalan Menteri menyatakan,

***“Ia juga bertujuan mempromosi jenama Rakan Muda yang diberi suntikan dan nafas baharu melalui gaya hidup Rakan Demokrasi, khususnya dengan pengisian program dan aktiviti yang lebih segar, menarik, serta bermanfaat.”***

Pesta Rakan Muda Mudi bukan hanya sekadar program, tetapi satu platform untuk mengangkat suara belia dan menggalakkan penglibatan aktif dalam isu-isu penting yang mempengaruhi kehidupan mereka.



11

## YOUTH CAPSULE: SOLUSI PENGINAPAN TERJANGKAU UNTUK BELIA



Kementerian Belia dan Sukan telah melancarkan program *Youth Capsule (Y-Capsule)* @IYCResidence pada 13 September 2023, dengan harga penginapan yang sangat berpatutan, iaitu RM10 sehari. Inisiatif ini ditujukan kepada belia yang sedang menjalani latihan industri, pencari kerja, atau mereka yang bekerja tetapi tidak mempunyai tempat tinggal.

Pusat Belia Antarabangsa (IYC), sebagai agensi yang bertanggungjawab, menyediakan 54 katil lengkap dengan set kelengkapan tidur, termasuk selimut, bantal, sarung bantal, dan cadar. Fasiliti ini juga dilengkapi dengan kemudahan tandas dan bilik mandi, ruang pantri, peralatan memasak bersama seperti peti sejuk, periuk nasi, dan dapur induksi. Selain itu, terdapat juga kemudahan dobi layan diri berbayar, ruang rehat, dan ruang seterika.

Inisiatif ini diharapkan dapat membantu belia dalam usaha mencari pekerjaan dan menjalani latihan industri dengan lebih mudah dan selesa.



*“Program ini menyasarkan belia yang berhasrat untuk menjalani latihan industri, pencari kerja, dan golongan yang telah bekerja tetapi tidak mempunyai tempat untuk menginap. Saya harap ia akan menggalakkan lebih ramai belia memperoleh motivasi untuk mendapatkan pekerjaan, khususnya yang datang daripada luar bandar, dengan kadar yang murah,”*

kata YB Hannah Yeoh kepada sidang media selepas melancarkan program tersebut.

Dengan pelancaran Y-Capsule, Kementerian Belia dan Sukan menunjukkan komitmennya untuk menyokong golongan muda dalam mengatasi cabaran perumahan dan memudahkan mereka dalam mencapai matlamat kerjaya.



12

## KLINIK KESIHATAN WANITA UNTUK ATLET DI INSTITUT SUKAN NEGARA



Institut Sukan Negara (ISN) telah mengambil langkah penting dalam menjaga kesihatan atlet wanita dengan melancarkan Klinik Kesihatan Wanita pada 4 Oktober 2023. Klinik ini beroperasi setiap Rabu, dari 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari, di Pusat Perubatan Sukan Negara, ISN.

Klinik ini menyediakan pelbagai perkhidmatan, termasuk khidmat perundingan dan konsultasi, pemeriksaan kesihatan wanita, rujukan luar, serta sesi pendidikan kesihatan yang khusus untuk wanita. Inisiatif ini diharapkan dapat membantu atlet wanita dalam menangani isu-isu kesihatan yang sering dihadapi mereka.

Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh berkata, "Susulan daripada sesi libat urus yang diadakan, saya minta ISN untuk mewujudkan khidmat pakar wanita di sini yang boleh membantu atlet wanita kita. Diharapkan perkhidmatan terbaharu ISN ini dapat dimanfaatkan oleh semua atlet wanita di bawah Program Majlis Sukan Negara (MSN) untuk menangani isu-isu kesihatan wanita dalam sukan."

Inisiatif ini menunjukkan komitmen ISN dan Kementerian Belia dan Sukan dalam memastikan kesejahteraan atlet wanita, serta meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya penjagaan kesihatan dalam kalangan mereka.



13

## PELANCARAN PROGRAM *SKILLS FOR LIFE* 2023: MENINGKATKAN KEMAHIRAN BELIA UNTUK MASA DEPAN



Pada Januari 2023, Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh, merasmikan Program *Skills for Life* 2023 di Menara Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Program ini adalah satu inisiatif utama yang dianjurkan oleh KBS melalui Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). Ia bertujuan untuk membantu masyarakat, terutamanya golongan belia, dalam menghadapi cabaran ekonomi dan kos sara hidup yang semakin meningkat. Program ini menawarkan latihan kemahiran asas yang berupaya memperkasakan belia untuk lebih bersedia dalam dunia pekerjaan dan kehidupan.

Program ini memberi tumpuan kepada golongan belia berusia 18 hingga 40 tahun termasuk mereka yang berasal daripada kelompok B40 dan M40, belia berisiko, belia minoriti, serta belia yang sudah bekerja. Yuran penyertaan yang dikenakan adalah sangat berpatutan, antara RM10 hingga RM30, membolehkan program ini diakses oleh lebih ramai peserta tanpa bebanan kos yang tinggi. Terdapat 22 jenis latihan kemahiran yang ditawarkan di seluruh negara memberikan pelbagai pilihan kepada belia untuk memilih bidang kemahiran yang sesuai dengan minat dan keperluan mereka.

YB Hannah Yeoh menekankan kepentingan program ini dalam mengatasi masalah pengangguran di kalangan belia. Beliau berkata, **“Kita mahu mengatasi pengangguran dengan kemahiran dan juga mahu belia menggunakan masa mereka dengan baik untuk menambah kemahiran.”** Ini mencerminkan usaha kerajaan untuk memastikan belia bukan sahaja bergantung kepada peluang pekerjaan formal tetapi juga memperolehi kemahiran yang dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Program ini dijalankan pada hujung minggu, memberikan fleksibiliti kepada para peserta untuk menghadirinya tanpa perlu meninggalkan tanggungjawab harian atau komitmen kerja. Tambahan pula, program ini diselenggarakan oleh Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan program Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di bawah KBS, namun ia bukan seperti kursus formal jangka panjang yang memerlukan pendaftaran

selama enam bulan. Sebaliknya, ia dirancang dengan fokus untuk memberikan kemahiran praktikal dan segera yang boleh dimanfaatkan oleh belia dalam jangka masa pendek.

Majlis pelancaran ini turut dihadiri oleh beberapa individu penting, termasuk Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli serta Pengarah Kemahiran, Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Encik Shahrul Affendi Baharudin. Kehadiran mereka menunjukkan komitmen tinggi kerajaan dalam menjayakan inisiatif ini demi meningkatkan tahap kemahiran belia di Malaysia.

Melalui Program *Skills for Life*, belia bukan sahaja diberikan peluang untuk menambah kemahiran, tetapi juga didorong untuk menggunakan masa lapang mereka dengan bijak, meningkatkan peluang kerjaya, dan menjadi lebih berdikari dalam menghadapi cabaran masa depan.



## 14

## PROJEK TONGKAT: *STAND WITH PALESTINE* - SOKONGAN PADU KEPADA RAKYAT PALESTIN DAN KOMUNITI OKU



Pada 25 November 2023, Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh, menghadiri program jelajah **Projek Tongkat: *Stand with Palestine*** di Putrajaya sebagai tanda sokongan kuat Kementerian Belia dan Sukan terhadap usaha memperjuangkan kesedaran mengenai rakyat Palestin. Program ini menarik perhatian ramai dengan perlawanan bola sepak yang menghubungkan dua elemen penting; sukan dan solidariti melalui pertembungan antara pasukan **Malaysia Amputee Football** dan **Team Aqil**.

Acara ini turut diserikan dengan kehadiran beberapa pengengaruh bola sepak yang menyuntik semangat kepada para peserta dan penonton. Namun, bintang utama acara ini adalah adik Aqil, seorang atlet muda yang berjaya menarik perhatian seluruh negara apabila dia menamatkan larian 100 meter menggunakan tongkat di **Kejohanan Olahraga Pendidikan Khas** di MSSD Jerantut, Pahang. Kisah kegigihan dan keberaniannya menjadi simbol inspirasi kepada semua, terutama komuniti OKU.

Jelajah Projek Tongkat ini berlangsung dari 18 hingga 26 November 2023 dengan matlamat utama memperkenalkan sukan bola sepak kudung kepada komuniti orang kurang upaya (OKU) di Malaysia. Selain itu, ia turut bertujuan menyebarkan kesedaran tentang kezaliman rejim Israel terhadap penduduk Gaza, mengingatkan masyarakat akan pentingnya terus berdiri bersama rakyat Palestin dalam menghadapi penindasan.

Dalam ucapannya, YB Hannah Yeoh menyatakan harapan besar terhadap pengembangan program ini, khususnya untuk golongan wanita. ***"Saya juga mahu melihat Projek Tongkat diperluaskan lagi kepada golongan wanita, dan ini adalah satu mandat baru untuk tahun 2024 supaya mereka dapat tubuhkan pasukan wanita,"***

tegas beliau. Ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan lebih ramai individu, termasuk wanita OKU, dapat terlibat aktif dalam sukan dan berpeluang mencapai potensi tertinggi mereka.

Projek ini bukan sahaja bertujuan untuk memperkasakan komuniti OKU melalui sukan, tetapi juga menekankan aspek solidariti kemanusiaan dengan rakyat Palestin. Dengan penglibatan pelbagai pihak termasuk tokoh sukan dan masyarakat, Projek Tongkat membawa mesej yang jelas bahawa sukan bukan sekadar tentang persaingan, tetapi juga tentang persatuan, kekuatan, dan sokongan terhadap mereka yang memerlukan.



## 15

## WANITA DALAM SUKAN



ASEAN Women in Sports Conference 2023 diadakan pada 14 hingga 16 November 2023 membabitkan lebih 260 orang peserta wanita terdiri daripada sektor awam, persatuan sukan kebangsaan, majlis sukan negeri dan badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Sebanyak 80 resolusi telah dicapai dalam usaha memperkasa dan meningkatkan peranan wanita dalam bidang sukan, baik di dalam negara mahupun di seluruh rantau Asia Tenggara. Fokus persidangan membincangkan resolusi berkaitan empat elemen iaitu kepimpinan, kejurulatihan, gaya hidup aktif dan keterampilan yang dijadikan sebagai asas pembentukan polisi program keterlibatan wanita dalam sukan.

Resolusi ini akan menjadi platform untuk memberi pendedahan dan kesedaran tentang cabaran yang dihadapi wanita dalam sukan, sama ada di peringkat nasional dan serantau.

***“Di Malaysia, pencapaian atlet wanita dalam sukan dilihat sangat positif; namun, peranan kepimpinan dan pengurusan memerlukan perhatian dan penglibatan wanita adalah satu keperluan.”***

Antara resolusi utama ialah cadangan mewujudkan kuota 30 peratus untuk wanita dalam jawatan kepimpinan tertinggi dalam persatuan sukan, melangkaui keahlian jawatankuasa semata-mata. Selain itu, resolusi lain termasuk cadangan program pertukaran antara jurulatih tempatan dan rantau ASEAN, serta menggalakkan media meningkatkan kesedaran bagi memastikan wanita mendapat perhatian dalam bidang sukan.



## 16

## PROGRAM PERKHEMAHAN KELUARGA DI KEM WAWASAN: MENG GALAKKAN MASA BERKUALITI BERSAMA KELUARGA



Pada bulan September 2023, Kementerian Belia dan Sukan melalui Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) memperkenalkan inisiatif menarik dengan menawarkan tapak Kem Wawasan sebagai lokasi perkhemahan keluarga. Langkah ini bertujuan untuk memupuk hubungan kekeluargaan yang erat serta menggalakkan keseimbangan antara kehidupan bekerja dan masa bersama keluarga. Program ini memberi peluang kepada keluarga untuk meluangkan masa berkualiti sambil menikmati keindahan alam semula jadi dan beriadah bersama-sama.

Program Rintis Perkhemahan Keluarga yang diadakan di Kem Wawasan Negara (KWN) Ulu Sepri bermula dari 2 hingga 30 September 2023 adalah percuma, menjadikannya lebih menarik kepada orang ramai. Ini merupakan sebahagian daripada langkah promosi kementerian serta usaha mendapatkan maklum balas untuk penambahbaikan operasi program pada masa akan datang. Program ini turut disokong oleh beberapa agensi kerajaan seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), dan Jabatan Kesihatan Negeri bagi memastikan keselamatan dan keselesaan peserta.

Dalam ucapannya, YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan, menyatakan bahawa Kem Wawasan yang biasanya digunakan untuk program kepimpinan belia kini dibuka kepada orang ramai, terutamanya keluarga, untuk beriadah pada hujung minggu.

***“Lazimnya, Kem Wawasan Negara yang dijaga dengan baik ini digunakan untuk program kepimpinan belia, tetapi pada hujung minggu Sabtu dan Ahad, ramai keluarga di luar sana memerlukan fasiliti untuk beriadah bersama keluarga,”*** katanya. Ini menggambarkan usaha kementerian untuk memanfaatkan kemudahan sedia ada bagi keperluan masyarakat yang lebih luas.

Selain itu, beliau turut menekankan pentingnya memastikan keselamatan dan keselesaan keluarga yang mengambil bahagian.

***“Kita hendak pastikan tempat untuk mereka adalah selamat dan Kem Wawasan Negara mempunyai fasiliti yang ideal untuk menjayakan program perkhemahan ini,”*** tambahnya lagi. Dengan adanya fasiliti yang lengkap dan kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan, program ini diharapkan dapat menjadi satu platform bagi keluarga untuk merapatkan hubungan sambil mengamalkan gaya hidup sihat.

Program Perkhemahan Keluarga ini bukan sahaja menawarkan aktiviti rekreasi, tetapi juga memberikan peluang kepada keluarga untuk menikmati alam semula jadi dalam suasana yang selamat dan teratur. Dengan kemudahan yang serba lengkap di Kem Wawasan, serta penglibatan agensi keselamatan dan kesihatan, program ini dijangka akan menjadi satu tarikan utama kepada keluarga yang ingin meluangkan masa bersama-sama dengan cara yang bermakna dan berfaedah.



17

## KONSERVASI HARIMAU MALAYA: INISIATIF KBS DAN FAM UNTUK MENYELAMATKAN IKON NEGARA



Pada Mac 2023, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bersama Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) melancarkan inisiatif penting untuk memulihara spesies ikonik negara, Harimau Malaya. Dalam usaha menyokong pemuliharaan biodiversiti yang diterajui oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), setiap tiket yang dijual untuk perlawanan melibatkan skuad Harimau Malaya akan menyumbangkan **RM1.00** kepada usaha memerangi kepupusan Harimau Malaya. Langkah ini bukan sahaja menekankan kepentingan hidupan liar tetapi juga membawa kesedaran kepada peminat bola sepak Malaysia mengenai ancaman serius yang dihadapi oleh spesies harimau ini.

Pasukan bola sepak kebangsaan dikenali sebagai Harimau Malaya, nama yang menggambarkan semangat, keberanian, dan kekuatan pasukan negara di atas padang. Namun, di sebalik kehebatan mereka, ramai yang mungkin tidak menyedari bahawa Harimau Malaya yang sebenar sedang berada di ambang kepupusan. Oleh itu, usaha ini bukan sekadar simbolik, tetapi juga satu langkah

konkrit untuk memastikan kelangsungan spesies harimau yang menjadi kebanggaan negara.

Presiden FAM, Datuk Hamidin Mohd Amin, menyuarakan keyakinannya terhadap kolaborasi ini, dengan berkata,

***“FAM optimis kolaborasi bersama KBS ini menjadi saksi kepada satu bukti konklusif di mana kedua-dua organisasi ini juga menitikberatkan hidupan liar khususnya Harimau Malaya yang merupakan haiwan ikonik Malaysia yang kini sedang berdepan isu kepupusan.”***

Beliau menekankan bahawa setiap kali peminat menyaksikan perlawanan pasukan Harimau Malaya, mereka bukan hanya memberi sokongan kepada sukan negara tetapi turut menyumbang kepada usaha menyelamatkan harimau sebenar di Malaysia.

*“Ini adalah satu misi yang izhar buat FAM dan KBS dalam pemuliharaan Harimau Malaya. Setiap kali kita keluar bermain dan menonton bola sepak, kita menyumbang kepada kehidupan setiap Harimau Malaya di Malaysia,”* tambahnya.

Inisiatif ini mencerminkan keprihatinan KBS dan FAM terhadap isu-isu konservasi, terutamanya bagi spesies yang melambangkan kekuatan negara. Dengan adanya sokongan daripada ribuan peminat bola sepak, diharapkan usaha ini mampu memberikan impak yang ketara dalam melindungi dan memulihkan populasi Harimau Malaya yang kini semakin terancam. Kolaborasi ini bukan sahaja menghubungkan sukan dan pemuliharaan alam semula jadi, tetapi juga membawa mesej bahawa setiap individu mempunyai peranan penting dalam menjaga warisan negara.

Usaha ini dijangka akan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang pentingnya melindungi hidupan liar, dan pada masa yang sama memperkukuh semangat nasionalisme melalui sokongan terhadap skuad bola sepak Harimau Malaya. Dengan setiap pembelian tiket, peminat kini dapat merasa bangga bukan sahaja kerana menyokong pasukan kegemaran mereka, tetapi juga kerana menyumbang kepada kelangsungan salah satu spesies paling berharga di Malaysia.



18

# SUKAN PERSAHABATAN MALAYSIA-KOREA SEMPENA ULANG TAHUN KE-40 DASAR PANDANG KE TIMUR: MEMPERKUKUH HUBUNGAN DIPLOMATIK MELALUI SUKAN DAN BUDAYA



Dalam menyambut ulang tahun ke-40 Dasar Pandang Ke Timur, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menganjurkan Sukan Persahabatan Malaysia-Korea dengan kerjasama Kedutaan Besar Republik Korea dan Majlis Sukan Korea di Malaysia. Acara yang diadakan pada 10 September di Stadium Juara ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan diplomatik dan budaya antara kedua-dua negara melalui sukan, sekaligus memperkukuh lagi persahabatan yang telah terjalin sejak sekian lama.

Majlis tersebut disempurnakan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan, bersama-sama Chung Suk Kyoong, Konsul Jeneral Kedutaan Republik Korea di Malaysia, dan Lee Won Kyu, Pengerusi Majlis Sukan Korea di Malaysia. Acara ini menyaksikan pelbagai aktiviti kebudayaan dan sukan yang melambangkan keunikan serta kekayaan warisan budaya kedua-dua negara, termasuk persembahan Gimnastik Malaysia, Tarian Drum Korea, Wushu Malaysia, dan Geum-Do Korea. Persembahan ini mempamerkan semangat kerjasama dan saling menghormati antara Malaysia dan Korea, sambil menarik minat hadirin terhadap keindahan seni budaya masing-masing.

Menurut YB Hannah Yeoh, acara ini bukan sekadar meraikan persahabatan antara Malaysia dan Korea, tetapi juga menjadi platform penting untuk belia kedua-dua negara melibatkan diri dalam sukan persahabatan, sambil memupuk semangat kesukanan dan saling memahami.



*“Acara seperti ini memberikan peluang kepada belia untuk lebih memahami dan menghargai budaya serta nilai masyarakat lain melalui sukan,”* ujar beliau. Semangat kesukanan ini diterjemahkan melalui pelbagai pertandingan, termasuk badminton dan futsal, yang menyaksikan penyertaan dari pelbagai peringkat umur, menggalakkan interaksi dan perpaduan di kalangan peserta.

Dasar Pandang Ke Timur, yang diperkenalkan 40 tahun lalu, pada mulanya bertujuan untuk memperoleh pengetahuan dan amalan terbaik dari negara-negara Asia Timur seperti Korea. Namun, kini ia telah berkembang menjadi satu platform yang lebih luas, bukan hanya berkisar pada pengetahuan tetapi juga untuk meraikan persahabatan dan kerjasama jangka panjang antara Malaysia dan Korea. Melalui acara seperti ini, hubungan diplomatik antara kedua-dua negara terus diperkukuh, memperlihatkan betapa pentingnya sukan dan budaya sebagai alat penyatuan global.

Sukan Persahabatan Malaysia-Korea sempena ulang tahun bersejarah ini bukan sahaja berjaya menyatukan dua budaya, tetapi juga memberi ruang kepada masyarakat untuk menyaksikan bagaimana sukan boleh menjadi jambatan kepada hubungan yang lebih kukuh, mesra, dan harmoni antara negara-negara serantau.

19

## MALAYSIA-BRUNEI PERKUKUH KERJASAMA BELIA DAN SUKAN: MOU BERSEJARAH DIMETERAI DI PUTRAJAYA



Pada Ogos 2023, satu detik bersejarah tercipta di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, apabila YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan Malaysia, menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama rakan sejawat beliau dari Brunei, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Brunei Darussalam. Majlis penting ini diadakan pada 3 Ogos 2023 dan turut disaksikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia serta KDYMM Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bersempena Rundingan Pemimpin Tahunan ke-24 antara kedua-dua negara.

Pemeterian MoU ini bukan sahaja memperkukuhkan lagi hubungan diplomatik yang telah terjalin sejak 2 Julai 2011, malah membuka lembaran baru dalam kerjasama belia dan sukan antara Malaysia dan Brunei. Perjanjian ini menggariskan usaha kedua-dua negara untuk melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bersama yang berfokus kepada pembangunan belia dan pemeraksanaan sukan.

YB Hannah Yeoh, yang diiringi oleh YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha KBS, dan YBr. Dr. Norhasmat bin Abdul Aziz, Setiausaha Bahagian (Hubungan Antarabangsa), menyatakan keyakinan bahawa MoU ini akan membawa manfaat besar kepada belia kedua-dua negara.

***“Kerjasama ini bukan sahaja mengeratkan hubungan antara Malaysia dan Brunei, tetapi juga memberi peluang luas kepada golongan belia untuk memajukan diri dalam bidang sukan dan pembangunan diri,”***

kata beliau.

Dengan komitmen yang tinggi daripada kedua-dua pihak, MoU ini membuka jalan untuk inisiatif baharu yang akan menyumbang kepada pertumbuhan belia dan sukan. Ini termasuk program pertukaran belia, kejohanan sukan



bersama, serta kerjasama dalam pembangunan infrastruktur sukan yang dapat memperkasakan sektor belia di Malaysia dan Brunei.

Majlis ini juga menggambarkan kekraban hubungan diplomatik kedua-dua negara yang bukan sahaja berkongsi sejarah dan budaya yang sama, tetapi juga matlamat bersama dalam memperkasakan generasi muda. Melalui kerjasama ini, Malaysia dan Brunei Darussalam komited untuk melangkah lebih jauh, memastikan belia mereka mendapat manfaat daripada pelbagai program dan

peluang yang akan membantu mereka cemerlang di peringkat antarabangsa.

Inisiatif ini menandakan satu lagi langkah penting dalam hubungan strategik antara Malaysia dan Brunei, membuktikan bahawa sukan dan pembangunan belia adalah alat penting untuk memperkukuh hubungan dua hala serta memastikan generasi masa depan kedua-dua negara lebih bersedia menghadapi cabaran global.

20

## KEJAYAAN MALAYSIA DI LONDON: MERANGKA DASAR DAN HALA TUJU PEMBANGUNAN BELIA



YB Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, telah mengharumkan nama Malaysia di pentas antarabangsa dengan kehadirannya di Mesyuarat Menteri-Menteri Belia Komanwel Ke-10 (10CYMM) yang berlangsung di London, United Kingdom. Mesyuarat yang diadakan setiap empat tahun ini bertujuan merangka dasar dan hala tuju pembangunan belia di kalangan negara anggota Komanwel, serta memastikan suara belia terus didengar dan diberi perhatian dalam pembangunan negara masing-masing.



Dalam sesi meja bulat 10CYMM, YB Adam Adli memainkan peranan penting dengan menyampaikan Kenyataan Negara Malaysia yang menekankan pelbagai inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam mencipta ekosistem yang selamat dan kondusif untuk keterlibatan belia.

***“Malaysia komited dalam memastikan belia kita bukan sahaja terlibat secara aktif dalam pembangunan negara, tetapi juga diberi platform untuk menyuarakan pandangan dan mengambil bahagian dalam pembentukan dasar,”*** ujar beliau dalam sesi tersebut. Kenyataan ini memperlihatkan dedikasi Malaysia dalam memperkasakan belia sebagai ejen perubahan dan pemimpin masa depan.

Selain daripada mesyuarat utama, YB Adam Adli turut memanfaatkan peluang ini untuk mengadakan mesyuarat dua hala bersama TYT Roshan Ranasighe, Menteri Hal Ehwal Sukan dan Belia Sri Lanka. Pertemuan ini membuka ruang bagi pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU)

antara Malaysia dan Sri Lanka dalam kerjasama pembangunan belia, memperluaskan hubungan bilateral kedua-dua negara dalam sektor yang semakin penting ini.


Kejayaan YB Adam Adli di London turut disokong oleh kehadiran YBrs. Dr. Norhasmat bin Abdul Aziz, Setiausaha Bahagian (Hubungan Antarabangsa), yang memainkan peranan penting dalam memastikan agenda Malaysia berjaya dibawa ke hadapan. Lawatan ini bukan sahaja menggambarkan komitmen KBS dalam memperkukuhkan jaringan kerjasama antarabangsa, malah menunjukkan bahawa Malaysia serius dalam memastikan belia terus mendapat manfaat daripada peluang global.

Dengan penyertaan Malaysia dalam 10CYMM, negara tidak hanya menunjukkan komitmen kepada pembangunan belia tempatan, tetapi juga menegaskan peranannya di peringkat global dalam membentuk masa depan generasi muda. Kejayaan ini adalah bukti bahawa Malaysia bersedia untuk terus memimpin dalam agenda belia, sambil memperkukuhkan hubungan dengan negara-negara rakan seperti Sri Lanka demi kemajuan bersama.



## 21

## JAWATANKUASA TERTINGGI PEMBANGUNAN SUKAN (HLC): LANGKAH PROAKTIF MEMACU SUKAN NEGARA



Dalam usaha memastikan sukan negara terus berkembang dan bersaing di peringkat antarabangsa, kerajaan telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (HLC) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Jawatankuasa ini bertujuan menerajui pembangunan bakat sukan berprestasi tinggi, sekaligus memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam mencipta lebih banyak kejayaan dalam arena sukan.

HLC akan memberi tumpuan kepada model pembangunan bakat sukan, terutamanya dalam bidang sukan yang menawarkan banyak pingat seperti sukan tempur, olahraga, dan renang. Kerjasama strategik akan dijalankan bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), dan Kementerian Pendidikan (KPM) bagi mengenal pasti dan melatih

bakat-bakat muda di seluruh negara, menyediakan laluan yang lebih terstruktur untuk mereka yang berpotensi tinggi dalam bidang sukan.

Selain itu, HLC juga akan memainkan peranan penting dalam mencungkil bakat dari kalangan anggota tentera dan penguat kuasa, terutamanya di bawah Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Langkah ini diambil bagi memperluaskan pencarian bakat dalam kalangan mereka yang mempunyai disiplin tinggi dan potensi fizikal yang sesuai untuk dilatih sebagai atlet berprestasi tinggi.

Penubuhan HLC ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam memperkukuhkan asas pembangunan sukan negara, dengan harapan dapat mencungkil lebih banyak bakat baharu yang mampu mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.

## 22

## JUALAN SUKAN RAHMAH: INISIATIF MEMUPUK GAYA HIDUP AKTIF MELALUI BARANGAN SUKAN MAMPU MILIK



Pada Ogos 2023, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memperkenalkan Inisiatif Sukan Rahmah sebagai langkah proaktif untuk menjadikan barangan sukan lebih mampu milik kepada rakyat Malaysia. Inisiatif ini merupakan kesinambungan daripada program Payung Rahmah, yang bertujuan mempromosikan penyertaan yang lebih meluas dalam aktiviti sukan dan rekreasi dengan menyediakan akses kepada peralatan sukan berkualiti pada harga yang lebih rendah.

Sebanyak 342 outlet dari 10 syarikat ternama, termasuk ProcApparel, Original Classic, Decathlon, Delta Rovers, MST Golf, Maxx Sports, Hakka, Gatti, Al-Ikhsan, dan Leonian, telah menyertai program Jualan Sukan Rahmah. Melalui penyertaan

ini, rakyat Malaysia mendapat peluang untuk membeli pelbagai kelengkapan sukan pada harga berpatutan, sekaligus menggalakkan lebih ramai individu untuk menceburi aktiviti sukan, meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan mereka.

KBS, menerusi Sekretariat Industri Sukan (SIS) dan dengan sokongan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), terus komited melaksanakan Jualan Sukan Rahmah (JSR) 2023, yang berlangsung dari 16 September hingga 15 Oktober 2023. Inisiatif ini bukan sahaja membantu mengurangkan kos barangan sukan, tetapi juga menyumbang kepada usaha membudayakan gaya hidup aktif dan sihat di kalangan rakyat Malaysia.

Dengan kerjasama pelbagai jenama dan sokongan kementerian, Jualan Sukan Rahmah berpotensi menjadi platform penting dalam memastikan sukan dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat, sekaligus mengukuhkan usaha kerajaan dalam mempromosikan kesejahteraan melalui sukan dan rekreasi.



23

## HARI TERBUKA KBS 2023: MEMPERMUDAH AKSES KEPADA PERKHIDMATAN KEMENTERIAN



Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah memperkenalkan Hari Terbuka KBS di Menara KBS, diadakan pada hari Jumaat setiap bulan, sebagai inisiatif untuk memudahkan orang ramai mendapatkan akses kepada perkhidmatan yang ditawarkan oleh kementerian dengan lebih mudah dan cepat. Program ini bertujuan mengurangkan birokrasi dan mempercepatkan proses urusan, selaras dengan komitmen KBS untuk memberikan perkhidmatan yang lebih efisien kepada masyarakat.

Hari Terbuka ini diadakan selepas menerima maklum balas daripada beberapa sesi *townhall* yang melibatkan pemegang taruh KBS seperti persatuan sukan dan industri sukan. Mereka menyuarakan keperluan untuk mempermudah permohonan kelulusan penganjuran acara sukan di Malaysia. Ini termasuklah mempercepatkan proses kelulusan agar penganjur acara dapat menjalankan aktiviti mereka dengan lebih lancar.

YB Menteri Belia dan Sukan turut menyatakan bahawa inisiatif ini adalah langkah KBS untuk **“membolehkan orang ramai hadir dan mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh KBS dengan lebih mudah dan cepat.”**

Dengan adanya Hari Terbuka ini, orang ramai boleh berurusan secara langsung dengan pegawai Kementerian untuk menyelesaikan pelbagai urusan

berkaitan perkhidmatan KBS, tanpa perlu melalui proses yang memakan masa.

Program ini dijangka dapat meningkatkan hubungan antara KBS dan masyarakat, sambil memastikan segala prosedur dan peraturan yang ditetapkan dapat dipatuhi dengan baik. Hari Terbuka KBS menjadi platform penting dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan memperkukuhkan sokongan kepada pembangunan sukan dan belia di Malaysia.



# 24

## KECEMERLANGAN KBS DALAM URUS TADBIR DAN KESELAMATAN: PENGIKTIRAFAN BERPRESTIJ TAHUN 2023



Bersama barisan panel Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2023

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sekali lagi membuktikan komitmennya terhadap kecemerlangan apabila diiktiraf sebagai cemerlang dalam pengauditan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Pengiktirafan ini mencerminkan dedikasi KBS dalam mewujudkan budaya organisasi yang berprestasi tinggi, inovatif, dan kondusif bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan serta kesejahteraan para pegawainya.

Selain itu, KBS turut berjaya merangkul pengiktirafan 5 bintang dalam Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2023, yang menekankan tadbir urus terbaik dalam aspek keselamatan perlindungan di pelbagai peringkat kerajaan. Pencapaian ini menunjukkan KBS sentiasa menekankan kepentingan keselamatan dan kesediaan untuk melindungi integriti maklumat dan aset yang diuruskan.

Lebih mengagumkan, KBS turut menerima pengiktirafan 4 bintang bagi tandas awam di kafeteria mereka dalam kategori Kompleks Kerajaan, yang diberikan oleh Perbadanan

Putrajaya. Pengiktirafan ini membuktikan usaha berterusan kementerian dalam menyediakan persekitaran yang bersih, selesa, dan kondusif, bukan sahaja untuk warga KBS tetapi juga untuk orang awam yang berurusan di premis kementerian.

Pencapaian ini menggambarkan dedikasi tinggi KBS dalam memastikan tadbir urus yang cekap, keselamatan yang terjamin, dan penyediaan kemudahan awam yang memenuhi piawaian tertinggi, selaras dengan aspirasi untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.



Sijil Pengiktirafan Cemerlang Kementerian Belia dan Sukan dalam pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Tahun 2023

Pengiktirafan 4 bintang tandas awam KBS bagi kategori Kompleks Kerajaan





# LAPORAN KBS



## BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) mempunyai seramai 50 orang pegawai dan kakitangan yang diterajui oleh Setiausaha Bahagian (Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54). Fungsi BPSM adalah memberikan perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan melalui pembentukan struktur perjawatan Kementerian yang optima, pelaksanaan pengurusan personel yang cekap dan teratur, pengurusan prestasi dan tata tertib yang efisien dan menyediakan peluang kepada pegawai dan kakitangan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kemajuan kerjaya melalui latihan komprehensif.

Cawangan yang menjalankan fungsi-fungsi Bahagian adalah seperti berikut:

### Cawangan Pembangunan Organisasi

- Kajian Penstrukturan Semula dan Pengukuhan Perjawatan, Data Perjawatan, Waran Perjawatan;
- HRMIS; dan
- Pengurusan Psikologi - Perkhidmatan Kaunseling, dan Intervensi

### Cawangan Perkhidmatan dan Prestasi

- Urusan Perkhidmatan - *Search Committee*, Pertukaran Sementara, Peminjaman, Kontrak, Penempatan, Pertukaran, Pusingan Kerja, Urusan Tuntutan Perubatan, Bencana Kerja dan sebagainya; dan
- Kenaikan Pangkat - Penilaian Prestasi

### Cawangan Pembangunan Kerjaya

- Pembangunan Kompetensi dan Pengurusan Kerjaya - Keperluan Latihan, Kursus dan Pelan Operasi Latihan (POL); dan
- Penyelarasan Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) dan Tabung Kumpulan Wang Amanah Skim Biasiswa Sukan Persekutuan.

### PROGRAM DAN AKTIVITI

#### Program Pementoran Kementerian Belia dan Sukan Tahun 2023

Program Pementoran Kementerian Belia dan Sukan ini telah bermula pada 10 Mei 2023 sehingga 10 November 2023 iaitu selama enam (6) bulan. Program ini telah melibatkan seramai 14 orang mentor daripada pelbagai gred dan skim perkhidmatan manakala 17 orang mentee merupakan pegawai-pegawai lantikan baharu.

Program Pementoran Dalam Perkhidmatan Awam adalah satu inisiatif bagi membantu warga kementerian agar lebih berkemampuan demi memajukan diri dan organisasi. Setiap mentee mempunyai potensi diri yang baik dan menampakkan kesungguhan mereka dalam meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam aspek profesional, budaya, peribadi dan sosial. Peserta juga telah menghadiri Bengkel *Training Of Trainer* Pementoran yang telah dilaksanakan pada 9 dan 10 Mei 2023 di Hotel Pulse Grade, Putrajaya untuk memberi pendedahan berhubung peranan dan keperluan pementoran dalam Perkhidmatan Awam dan kemahiran perhubungan pementoran kepada peserta.



*Majlis perasmian Bengkel Training Of Trainer Pementoran disempurnakan oleh YBrs. Puan Rai'dah binti Mohd Yaman, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia pada 9 Mei 2023 di Hotel Pulse Grande, Putrajaya*



*Sekitar pelaksanaan program pementoran di Hotel Pulse Grande, Putrajaya memberi pendedahan berhubung peranan dan keperluan pementoran dalam perkhidmatan awam*



*Sesi penyampaian sijil penghargaan dan penyertaan kepada mentor dan mentee oleh Puan Masni binti Mustapa Kamarul Basah, Ketua Penolong Setiausaha Kanan yang mewakili Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia*

### **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2023**

Majlis ini merupakan acara yang diadakan setiap tahun bagi mengiktiraf dan menghargai pencapaian cemerlang yang diusahakan oleh warga KBS sepanjang tahun 2022. Majlis APC bagi tahun 2023 melibatkan 172 penerima iaitu iaitu penerima di ibu pejabat, Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB)/ ILKBS, Pejabat Pertubuhan Belia (ROY) dan Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) sahaja. Manakala Majlis APC Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) dan Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) dilaksanakan oleh jabatan masing-masing dengan peruntukan yang disalurkan oleh kementerian.

Majlis ini telah diadakan pada 8 Jun 2023 di Dewan Serbaguna, Kementerian Pengangkutan Malaysia, Putrajaya. Majlis ini dirasmikan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan. Seramai 172 orang penerima APC telah menerima sijil penghargaan APC dan insentif berjumlah RM1,000.



*Ucapan perasmian Majlis APC Tahun 2023 disampaikan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan*



*Sesi bergambar penerima APC Tahun 2023 bersama YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Pengurusan Tertinggi KBS*

### Majlis Sanjungan Bakti, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Tahun 2023

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Majlis Sanjungan Bakti yang diadakan pada 16 Oktober 2023 bertempat di Hotel Everly, Putrajaya. Majlis meraikan pegawai perkhidmatan awam yang bersara merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh KBS sebagai tanda penghargaan dan terima kasih atas khidmat bakti yang diberikan sepanjang perkhidmatan, khususnya di KBS. Sejumlah 37 orang pegawai yang telah bersara di Kementerian pada tahun 2023 telah diraikan dalam majlis ini. YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan telah hadir bagi menyempurnakan majlis tersebut. Turut hadir, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatarasu, Ketua Setiausaha Kementerian serta pengurusan tertinggi Kementerian yang bersama-sama meraikan pegawai-pegawai yang bersara.



Sesi bergambar pegawai-pegawai yang diraikan bersama YB Menteri dan Pengurusan Tertinggi Kementerian Belia dan Sukan



YBhg. Dato' Ahmad Shapawi bin Ismail, mantan Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara menerima sijil penghargaan daripada YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan



## BAHAGIAN KEWANGAN

Bahagian Kewangan merupakan salah satu Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang bertanggungjawab menguruskan perbelanjaan di bawah Peruntukan Mengurus Kementerian berpandukan perancangan tahunan dan peraturan-peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Bahagian ini juga berperanan dalam memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada semua aktiviti dan program yang dijalankan oleh Kementerian bagi memastikan pelaksanaannya teratur, cekap, berkesan dan berintegriti. Bahagian ini diterajui oleh Pegawai Tadbir Diplomatik (Setiausaha Bahagian) dengan kekuatan seramai 27 perjawatan tetap dan seorang MySTEP.

Fungsi Bahagian Kewangan seperti berikut:

- Mengawasi dan menyelaras pelaksanaan, perjalanan dan kecekapan Bahagian Kewangan.
- Menyelarass penyediaan Anggaran Belanjawan Tahunan B.45 bagi Kementerian, Bahagian dan Jabatan
- Menguruskan pembayaran dan aktiviti kewangan dan akaun bagi ibu pejabat Kementerian di bawah Bajet Mengurus, Akaun Kumpulan Wang Amanah dan Akaun Amanah
- Menyelarass urusan perolehan (tender dan sebutharga) bekalan dan perkhidmatan bagi Kementerian, Jabatan, Bahagian dan Agensi di bawahnya.
- Bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan hasil dan deposit Jabatan, Bahagian dan Agensi di bawahnya.

### PENCAPAIAN

#### Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus B.45

KBS telah diluluskan peruntukan Belanja Mengurus (B.45) sebanyak RM621,098,300.00. Prestasi belanja **mencapai sasaran 100%** selepas penyelarasan oleh Kementerian Kewangan (MOF) melibatkan lebihan belanja sebanyak RM3,641,400.00 bagi pembayaran Kenaikan Gaji Tambahan Khas 2023 dan Bantuan Khas Kewangan. Prestasi ini tidak mengambil kira perbelanjaan sebanyak **RM32 juta** melalui Surat Kuasa Berbelanja (SKB) bagi pembayaran Yuran Hak Penganjuran Acara Sukan MotoGP 2023 oleh *Sepang International Circuit Sdn. Bhd.*

Prestasi belanja keseluruhan selepas penyelarasan MOF adalah seperti berikut:

Program	Peruntukan Kemas Kini (RM)	Belanja Bersih* (RM)	%	Baki (RM)
Pengurusan	77,786,020.00	77,785,704.35	100.00	315.65
Pembangunan Belia dan Sukan	359,078,440.00	359,078,022.87	100.00	417.13
Program Khusus	181,443,100.00	181,442,346.40	100.00	753.60
One-Off	2,790,740.00	2,790,649.56	100.00	90.44
<b>Keseluruhan</b>	<b>621,098,300.00</b>	<b>621,096,723.18</b>	<b>105.15</b>	<b>1,576.82</b>

\* Jumlah belanja bersih tidak mengambil kira SKB sebanyak RM32 juta.

Jadual 1: Prestasi Perbelanjaan

### Pengurusan Pembayaran

Bahagian Kewangan juga bertanggungjawab memproses bil dalam tempoh 14 hari di peringkat PTJ Menara KBS. Jumlah keseluruhan bil yang telah diproses adalah seperti berikut:

BULAN	BILANGAN BIL	NILAI BIL (RM)
Januari	170	30,453,937.96
Februari	232	12,454,448.14
Mac	279	34,589,593.91
April	297	38,927,165.68
Mei	263	46,181,969.50
Jun	368	8,789,829.91
Julai	314	5,896,248.49
Ogos	351	23,604,287.23
September	380	143,333,126.05
Oktober	448	11,143,025.85
November	512	2,528,891.54
Disember	400	6,650,282.64
<b>Jumlah</b>	<b>4,014</b>	<b>364,552,806.90</b>

Jadual 3: Pembayaran Bil, Tahun 2023

Sehingga 31 Disember 2023, Bahagian Kewangan telah berjaya menyelesaikan 100% pembayaran bil-bil di bawah 14 hari.

### Pengurusan Perolehan

Bahagian Kewangan melalui Cawangan Perolehan juga bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan cekap dan mematuhi tatacara kewangan yang berkuat kuasa. Selain itu, peranan Bahagian ini merupakan medium perantara bagi segala urusan perolehan seperti memberi khidmat nasihat, bantuan dan sokongan dalam memastikan pengurusan perolehan diuruskan dengan cemerlang. Secara keseluruhan, Bahagian Kewangan telah berjaya melaksanakan perolehan melalui Sistem ePerolehan melibatkan nilai perolehan sebanyak **RM137,544,116.11**.

KAEDAH PEROLEHAN	BIL PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)
Pembelian Terus	874	9,052,862.06
Sebut Harga	6	1,442,707.88
Tender Terbuka	50	123,048,546.17
Rundingan Terus	1	4,000,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>931</b>	<b>137,544,116.11</b>

Jadual 4: Perincian Kaedah dan Nilai Perolehan Tahun 2023

**PROGRAM DAN AKTIVITI**



**Kursus Pengurusan Perolehan Siri 1 Tahun 2023**  
25 Mei 2023 | Bilik Mesyuarat Aras 7 / Hibrid



**Kursus Pengurusan Perolehan Siri 2 Tahun 2023**  
17 – 19 Jun 2023 | Amansari Residence Resort, Johor Bahru



**Sesi Libat Urus/Perbincangan Sehari Bersama Bahagian Kewangan**  
24 Ogos 2023 | Bahagian Kewangan, Aras 7



**Kursus Pengurusan Perolehan Dan Pentadbiran Kontrak KBS Tahun 2023**  
 8 – 9 Oktober 2023 | Hotel Mercure Kuala Lumpur Glenmarie, Shah Alam



**Bengkel Perancangan Perolehan Dan Perbelanjaan KBS Tahun 2024**  
 29 – 31 Oktober 2023 | Grand Alora Hotel, Alor Setar



**Bengkel Semakan Semula Arahan Pegawai Pengawal, Kementerian Belia Dan Sukan**  
 17 – 18 November 2023 | Corus Paradise Resort, Port Dickson



## BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bahagian Pembangunan (BPN) mempunyai seramai 26 orang pegawai dan kakitangan yang diterajui oleh Setiausaha Bahagian (Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54). Fungsi Bahagian Pembangunan seperti berikut:

Merancang, melaksana, menyelia dan memantau projek/ program pembangunan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) dengan mematuhi garis panduan dan pekeliling serta peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

### i) Unit Pentadbiran

- Mengurus hal ehwal pentadbiran dan pengurusan pejabat.
- Mengurus hal ehwal perjawatan dan sumber manusia.
- Mengurus sistem rekod aset dan fail.
- Mengurus permohonan kenderaan.
- Mengurus Pesanan Kerajaan Bahagian.
- Mengurus dan menyelaraskan Pelan Operasi Latihan (POL) Bahagian.
- Mengurus pelaksanaan mesyuarat Bahagian

### ii) Unit Kewangan

- Menyelaraskan maklumat kewangan dengan agensi seperti Kementerian Kewangan Malaysia (MoF), Jabatan Akauntan Negara (AG) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU, JPM).
- Mengurus urusan kewangan projek/ program di bawah Peruntukan Pembangunan Tahunan.

## PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KBS DI BAWAH *ROLLING PLAN* KETIGA (RP3) RMKE-12

### Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan KBS Bagi Tahun 2023

Pada tahun 2023, sebanyak 228 projek telah diluluskan merangkumi 189 projek sambungan dan 39 projek baharu. Sehingga 31 Disember 2023, prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan (DE) KBS adalah sebanyak **RM 379,022,421.41** atau bersamaan dengan **97.84 peratus**. Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

Peruntukan Dipinda (RM)	Sekatan (RM)	Belanja (RM) & Peratus Belanja (%)
RM 423,401,210.00	RM 36,000,000.00	RM379,022,421.41 (97.84%)

## Pelaksanaan Mesyuarat/ Program/ Lawatan Bahagian Pembangunan Bagi Tahun 2023

Pada tahun 2023, Bahagian Pembangunan telah melaksanakan mesyuarat/ program/ lawatan seperti berikut:

Mesyuarat/ Program/ Lawatan	Jumlah
Mesyuarat Tapak/ Lawatan Pemantauan Projek.	169
Mesyuarat Majlis Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) Kementerian Belia Dan Sukan.	8
Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) Kementerian Belia Dan Sukan.	2
Mesyuarat Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT)/ Mesyuarat Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja (APK)/ Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kuantiti Sementara (KKS)/ Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK)/ Mesyuarat Jawatankuasa Wang Peruntukan Sementara (WPS).	10
Mesyuarat Jawatankuasa Projek Kecil.	2
Mesyuarat <i>Contract Coordination Panel</i> (CCP).	4
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tanah (JPTK) Kementerian Belia Dan Sukan.	2

## PROGRAM DAN AKTIVITI

### Bengkel Tatacara Perolehan Kerja Projek Pembangunan KBS Siri 1 & 2 Tahun 2023

Bengkel Tatacara Perolehan Kerja Projek Pembangunan KBS Siri 1 & 2 Tahun 2023 telah diadakan sebanyak dua kali iaitu 10 – 12 Jun 2023 bagi Siri 1 dan 22 – 24 Julai 2023 bagi Siri 2. Bengkel ini melibatkan 70 peserta daripada Jabatan/ Bahagian/ Agensi di bawah KBS.

Bengkel ini adalah satu inisiatif bagi memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan agensi di bawahnya berkenaan tatacara perolehan projek pembangunan secara sebut harga. Selain itu juga bengkel ini bertujuan bagi mengenal pasti isu, permasalahan dalam pelaksanaan dan projek pembangunan di negeri-negeri.



Majlis Penutup Bengkel Tatacara Perolehan Kerja Projek Pembangunan KBS Siri 2 Tahun 2023 disempurnakan oleh YBrs. Encik Amir Hamzah bin Awang Ghazali, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan pada 24 Julai 2024 di Hotel Iconic, Bukit Mertajam, Pulau Pinang

## Kursus Pengurusan Perolehan Dan Pentadbiran Kontrak Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

Bahagian Pembangunan bersama-sama Bahagian Kewangan, KBS telah menganjurkan Kursus Pengurusan Perolehan Dan Pentadbiran Kontrak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada 08 – 09 Oktober 2023 bertempat di Hotel Mercure Glenmarie, Shah Alam, Selangor. Kursus ini melibatkan seramai 30 orang peserta terdiri ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KBS.

Kursus ini bertujuan memberi penjelasan mengenai tanggungjawab Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan dalam menguruskan perolehan Kerajaan di Agensi masing-masing serta meningkatkan pemahaman Ketua Jabatan/Bahagian/Agensi terhadap peraturan dan tatacara perolehan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan melalui Pekeliling Perbendaharaan.

## Bengkel Penyelarasan Projek Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) Kementerian Belia dan Sukan

Bengkel ini telah diadakan pada 26 – 28 November 2023 di Hotel Iconic, Bukit Merajam, Pulau Pinang melibatkan seramai 24 orang pegawai daripada Jabatan/ Bahagian/ Agensi di bawah KBS.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menyelaraskan perancangan perolehan serta unjuran perbelanjaan Program/ Projek dibawah seliaan Agensi/Jabatan pada tahun 2024. Selain itu, bengkel ini juga akan digunakan sebagai platform untuk menilai *Output dan Outcome* bagi Program/ Projek yang sedang dan telah dilaksanakan dalam RMKe-12.



Sekitar pelaksanaan bengkel di Hotel Iconic, Bukit Mertajam, Pulau Pinang

## PENCAPAIAN

### Anugerah Ikon MyProjek Tahun 2023

Bersempena dengan Majlis Anugerah Pembangunan Negara Tahun 2023, KBS telah dianugerahkan **Anugerah Ikon MyProjek** bagi Tahun 2023.

Anugerah ini diperkenalkan untuk mengiktiraf Kementerian yang telah menunjukkan komitmen tinggi terhadap usaha-usaha pengemaskinian maklumat dalam Sistem MyProjek. Kementerian Belia dan Sukan telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ikon MyProjek bagi Anugerah Pembangunan Negara (APN) Tahun 2023 setelah mencapai 100% pengemaskinian Sistem MyProjek. Dua aspek utama pencapaian adalah 100% Pengemaskinian Profil Program/Projek dan 100% Pengemaskinian Pelaksanaan.



YBrs. Tuan Haji Abdullah bin Hasan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KBS telah menerima Anugerah Ikon MyPROJEK yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri



## BAHAGIAN AKAUN

Bahagian Akaun (BA) diterajui oleh Ketua Akauntan dengan kekuatan 19 perjawatan tetap dan dua (2) *Personnel Malaysia Short-Term Employment Programme* (MySTEP) berperanan untuk memastikan pengurusan perakaunan dan kewangan yang berkualiti dan berintegriti selaras dengan visi dan misi Bahagian sebagai peneraju perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam bagi Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Fungsi Bahagian Akaun seperti berikut:

- Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan kementerian
- Memastikan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan kementerian dan agensi sentiasa mematuhi peraturan semasa yang berkuatkuasa
- Menyediakan Penyata Kewangan kementerian yang berkualiti dan berintegriti.
- Memberikan khidmat nasihat yang berkualiti dan memuaskan hati pelanggan dalam isu-isu perakaunan dan kewangan selaras dengan amalan terbaik.
- Membantu pihak pengurusan tertinggi kementerian dalam membuat keputusan yang berkesan.

### PENCAPAIAN

#### Penyata Kewangan Kementerian (Pra Peralihan) Bagi Tahun Kewangan 2022

Penyata Kewangan KBS bagi tahun kewangan 2022 telah sempurna ditandatangani oleh KSU selaku Pegawai Pengawal pada 7 April 2023 dan dikemukakan kepada Akauntan Negara Malaysia pada 7 April 2023 dan Ketua Audit Negara pada 31 Mei 2023. Penyata ini menunjukkan kedudukan dan prestasi kewangan KBS dalam menguruskan aset, liabiliti, hasil dan belanja bagi membantu pengurusan tertinggi membuat keputusan strategik dan merancang polisi yang lebih baik.

#### Anugerah PTJ Terbaik Tahun 2022

Anugerah PTJ Terbaik merupakan inisiatif BA bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada PTJ di bawah KBS yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam pengurusan perakaunan dan kewangan seperti perakaunan aset, prestasi pembayaran bil serta pematuhan kepada pekeliling dan peraturan kewangan dan terimaan.



Anugerah PTJ Terbaik JBSN Selangor disampaikan oleh KSU KBS

#### Naziran

Pelaksanaan naziran adalah selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 138 dan AP 139 serta Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 1 Tahun 2019. Naziran tahun 2023 telah dilaksanakan di 26 PTJ yang mana 7 dilaksanakan oleh Bahagian Akaun dan 19 PTJ di negeri telah dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri.



Exit Naziran bagi tahun 2023

## PROGRAM DAN AKTIVITI

Bengkel/ kursus yang telah diadakan pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM/ KURSUS	TARIKH
1	Kursus Laporan Penyediaan Baki Aset Siri 1	17 – 18 Januari 2023
2	Kursus Laporan Penyediaan Baki Aset Siri 2	25 – 26 Januari 2023
3	Taklimat MH <i>Refresher</i> MH_ GOM Portal	14 Februari 2023
4	Bengkel Penyeragaman Kod Akaun Akruan Tahun 2023	8 – 9 Mac 2023
5	Bengkel Pengurusan Emolumen iGFMS Tahun 2023	17 – 18 Mei 2023
6	Latihan Sistem iGFMS bagi Modul MyCOST Zon Timur Sabah Sarawak	29 Mei 2023
7	Kursus Pengurusan Akaun Amanah	21 – 23 November 2023



Tandatangan Penyata Kewangan KBS Tahun 2022 oleh KSU

Secara ringkasnya, antara implikasi keberkesanan bengkel/ kursus adalah PTJ dapat menyediakan laporan perakaunan aset bukan kewangan secara sukuan mengikut jadual selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2022 - Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan. PTJ juga dapat meningkatkan pengetahuan mengenai Tatacara Pengurusan Akaun Amanah selaras dengan pelaksanaan Perakaunan Akruan, di samping memberi pendedahan serta mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan Pengurusan Akaun Amanah diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan. Templat migrasi Akaun Belum Terima Kumpulan Wang Amanah Skim Biasiswa Sukan Persekutuan dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia telah berjaya dimuat naik di dalam sistem untuk dilaporkan di dalam Penyata Kewangan KBS.



Kursus Laporan Penyediaan Baki Aset Siri 2



Bengkel Pengurusan Emolumen iGFMS



## BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) KBS diwujudkan daripada naik taraf Cawangan Teknologi Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan pada bulan Mei 2007. Pada tahun 2008, JPA telah memperakukan perubahan nama Bahagian Teknologi Maklumat kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM).

Fungsi Bahagian Pengurusan Maklumat seperti berikut:

- Menentukan hala tuju dan hala cara pembangunan dan pelaksanaan ICT bagi KBS dan agensi di bawahnya melalui Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC), Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) KBS. Merancang, menggubal dan melaksanakan dasar dan garis panduan penggunaan dan keselamatan ICT KBS serta memastikan pematuhannya.
- Mengurus perancangan perolehan dan penyediaan dokumen teknikal yang diperlukan bagi projek-projek ICT. Menyelaras dan mengurus pembangunan, pelaksanaan dan penyelenggaraan portal/laman web dan sistem aplikasi KBS. Menyelaras pelaksanaan kerjasama strategik daripada agensi luar.
- Merancang dan mengurus Infrastruktur Rangkaian Putrajaya *Campus Network* (PCN) dan MyGov\*Net. Merancang, mengurus dan memantau keselamatan ICT, merancang dan mengurus Pusat Data KBS, menyelaras dan mengurus khidmat sokongan teknikal ICT.



*Pelan Strategik Pendigitalan KBS*

### AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

#### Sesi *Sign Off* Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Belia dan Sukan (PSPKBS) dan Agensi di Bawahnya Tahun 2022-2025

Sesi *Sign Off* Pelan Strategik Pendigitalan KBS dan Agensi di bawahnya Tahun 2022-2025 telah diadakan pada 22 Mac 2023 bertempat di Bilik Gerakan, Menara KBS. Sesi *Sign Off* ini dipengerusikan oleh Tuan Abdullah bin Hasan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) selaku Ketua Pegawai Digital KBS. Seramai 50 orang ketua bahagian/jabatan/agensi serta wakil telah hadir ke sesi *sign off* ini.

Pelan Strategik Pendigitalan KBS dan Agensi di bawahnya dibangunkan secara khidmat nasihat daripada Pasukan Perunding ICT MAMPU yang diketuai oleh Puan Siti Sapura Binti Raffee dengan pelaksanaan beberapa siri bengkel. Hasil khidmat nasihat ini, PSPKBS dan Agensi di bawahnya telah dibangunkan merangkumi bahagian-bahagian di KBS dan juga lapan (8) agensi di bawah KBS iaitu Majlis Sukan Negara (MSN), Institut Sukan Negara (ISN), Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Perbadanan Stadium Malaysia (PSM), Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS), Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan Unit *Anti-Doping* Malaysia (ADAMAS).

PSPKBS dan Agensi di bawahnya mengandungi empat (4) teras yang meliputi aplikasi, infrastruktur ICT, kompetensi dan pembudayaan digital ICT dan tadbir urus digital. Sebanyak 33 program dan 104 projek telah dikenal pasti sepanjang tempoh 2022 sehingga 2025 menggunakan peruntukan Pembangunan, Belanja Mengurus dan pembangunan secara dalaman (*inhouse*).

Objektif utama sesi *sign off* adalah sebagai penutup kepada khidmat nasihat daripada Pasukan Perunding MAMPU selama lapan (8) bulan bermula daripada fasa penilaian persekitaran ICT semasa, pelaksanaan analisis jurang ICT, penetapan visi, misi, teras strategik, strategi ICT dan Program ICT.

## PENCAPAIAN PENGAUDITAN SEPANJANG TAHUN 2023

Sepanjang tahun 2023, BPM telah diberikan tanggungjawab untuk membangunkan aplikasi dan portal yang melibatkan program-program utama KBS. BPM telah melaksanakan pembangunan Direktori Fasilitas Sukan yang memberi ruang kepada orang awam untuk mengakses maklumat fasiliti dan kemudahan di bawah KBS secara dalam talian melalui Portal KBS.

Selain itu, pembangunan aplikasi Geran Padanan Sukan (GPS) dan Dana Sukan Komuniti (DSK) telah dilaksanakan bagi menyokong KBS dalam memperkukuhkan ekosistem sistem sukan dengan permohonan GPS dan DSK secara dalam talian.

## PENGENALAN MYDIGITAL ID KEPADA WARGA KBS

Pengenalan dan pendaftaran MyDIGITAL ID kepada warga KBS telah diadakan di Lobi Menara KBS pada 22 Disember 2023. Pihak MIMOS Berhad dengan berbesar hati telah hadir ke KBS bagi memberikan taklimat pengenalan dan membantu warga KBS melaksanakan pendaftaran MyDIGITAL ID di peranti yang disediakan.

YAB Perdana Menteri semasa lawatan rasmi beliau ke MIMOS Berhad pada 21 November 2023, MIMOS Berhad telah dilantik sebagai agensi pelaksana program Identiti Pengenalan Digital Malaysia (MyDigital ID). IDN atau MyDigital yang dilaksanakan oleh MIMOS merupakan satu bentuk pengenalan dan pengesahan diri secara digital yang merujuk sumber tunggal.

MyDigital bakal dimanfaatkan dan dapat memudahkan penjawat awam berurusan secara bersemuka atau secara jarak jauh di alam maya dengan penyedia perkhidmatan digital bagi tujuan pengesahan identiti semasa melakukan transaksi secara dalam talian dengan selamat, terjamin dan menjimatkan masa. Ianya merupakan satu bentuk identiti digital yang dipercayai dan selamat serta memperkukuh dan mempermudah proses pengesahan identiti bagi menjalankan transaksi dalam talian.



KSU bersama warga KBS setelah membuat pendaftaran MyDIGITAL ID



## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan sokongan pentadbiran am, penyelenggaraan fasiliti, sewaan ruang pejabat serta komersial, pengurusan logistik dan kenderaan, inovasi dan kualiti, pengurusan aset alih, pengurusan rekod, pengurusan keselamatan perlindungan, pengurusan pusat sumber dan pengoperasian Taska Kementerian melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

Oleh yang demikian, BKP komited untuk:

- Memberi perkhidmatan sokongan **logistik** bagi pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian seperti kemudahan dewan, bilik mesyuarat, peralatan sokongan dan kenderaan beserta pemandu;
- Memberikan khidmat nasihat dan menganjurkan aktiviti/ program berkaitan **pengurusan rekod** di Kementerian (konvensional dan digital) bagi memastikan urusan harian Kementerian berjalan dengan lancar dan efisien;
- Memberi perkhidmatan sokongan berkaitan **pengurusan aset alih** di Kementerian (stor dan aset) meliputi perolehan, penerimaan, pendaftaran, pengagihan, penyimpanan, penyelenggaraan, pemeriksaan dan pelupusan aset;
- Memastikan **pengurusan fasiliti** di Kementerian dilaksanakan dengan baik dengan memantau prestasi kontraktor bangunan, kebersihan, landskap dan kawalan serangga;
- Memberikan perkhidmatan dan operasi **Pusat Sumber** yang terbaik untuk kemudahan rujukan maklumat kepada warga Kementerian melalui aktiviti dan program yang bersesuaian dalam mewujudkan organisasi pembelajaran dan pembentukan pekerja berilmu;
- Memastikan agenda **inovasi dan kualiti** di Kementerian seperti MS ISO 9001:2015, Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), myPortfolio serta *Star Rating* dilaksanakan bagi kemajuan dan pembaharuan berterusan pentadbiran awam Kementerian;
- Memastikan **pengurusan keselamatan perlindungan** dilaksanakan serta dipraktikkan dalam kalangan staf di Kementerian bagi mematuhi Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan; dan
- Menguruskan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) PERMATA Kementerian.

### PENGIKTIRAFAN DAN PENCAPAIAN

#### Pengiktirafan Cemerlang Kadar Pusingan Stok Dalam Persidangan Tahunan Pegawai Aset 2023

Kementerian telah menerima pengiktirafan Kadar Pusingan Stok (KPS) 4.0 bersempena Persidangan Tahunan Pegawai Aset 2023 pada 17 Oktober 2023. Pengiktirafan tersebut diberikan oleh Kementerian Kewangan atas kejayaan Kementerian mencapai KPS KPS 4.86 (Cemerlang).



Majlis Penyerahan Sijil Pencapaian Cemerlang Kadar pusingan Stok sempena Persidangan Tahunan Pegawai Aset Tahun 2023

### 5 Bintang Dalam Pertandingan Keceriaan Antara Kementerian Sempena Bulan Kebangsaan 2023

Kementerian Belia dan Sukan telah menyertai Program Keceriaan Antara Kementerian sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2023 bertujuan menzahirkan semangat patriotik disamping menyemarakkan Sambutan Bulan Kebangsaan. Fokus utama program ini adalah memberi suasana keceriaan persekitaran tempat kerja sempena sambutan ulang tahun Kemerdekaan. Program Keceriaan ini bermula pada 15 Julai 2023 sehingga 16 September 2023 dan Kementerian telah memperoleh penarafan 5 bintang daripada Kementerian Komunikasi dan Digital yang disampaikan oleh Menteri Komunikasi dan Digital, YB Tuan Fahmi Fadzil.



*Pengiktirafan 5 bintang dalam Pertandingan Keceriaan Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Tahun 2023*



## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Unit Komunikasi Korporat (UKK) bertanggungjawab dalam merancang dan menguruskan tugas-tugas korporat, pengurusan media, pengurusan aduan dan khidmat pelanggan bertujuan bagi meningkatkan imej KBS.

Fungsi Unit Komunikasi Korporat seperti berikut:

- Memastikan aktiviti-aktiviti Kementerian mendapat publisiti meluas melalui media massa.
- Memastikan khalayak sasar Kementerian memahami dan menerima program-program Kementerian.
- Memastikan aktiviti-aktiviti Kementerian didokumentasikan dalam bentuk video/CD/ Penulisan/rakaman gambar.
- Memastikan aduan Pelanggan Kementerian dan Jabatan serta Agensi di bawahnya diurus dengan berkesan.
- Memastikan acara-acara Majlis Rasmi dan kempen-kempen Kerajaan dan acara antarabangsa mendapat publisiti meluas secara profesional melalui media massa.

### PENCAPAIAN

#### Kempen dan Promosi

Sepanjang tahun 2023, UKK telah melaksanakan pelbagai aktiviti promosi program-program berkaitan dengan pemerkasaaan belia dan sukan menerusi televisyen, radio, surat khabar, media sosial dan sebagainya. Keseluruhan nilai media (*media value*) melalui liputan berita di media pada tahun ini ialah **RM 28,235,639.40**.


Antara aktiviti promosi yang telah dilaksanakan adalah seperti Program Kemahiran Latihan Asas Sukan: Renang (KLAS Renang), Rakan Muda, Kod Sukan Selamat, Skrin Besar, Tiket Rahmah Moto GP, Merakyatkan Fasiliti Sukan KBS, Jualan Sukan Rahmah dan lain-lain lagi.




#### Pengurusan Aduan

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 250 aduan telah diterima oleh Kementerian, Jabatan, Bahagian dan Agensi di bawah KBS. Aduan ini diklasifikasikan sebagai aduan awam dan bukan aduan yang ditafsirkan sebagai pertanyaan, cadangan dan penghargaan orang awam terhadap perkhidmatan yang diberikan. Pada tahun 2023, KBS mencatatkan prestasi pencapaian pengurusan aduan KBS sebanyak **249 (99.6%) aduan yang berjaya** diselesaikan mengikut Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2022: Penambahbaikan Pengurusan Aduan Awam. Manakala sebanyak **1 (0.4%) aduan yang masih dalam tindakan yang dicatatkan setakat 31 Disember 2023**. KBS sentiasa memantau dan memastikan setiap aduan yang diterima dapat diselesaikan dengan sebaiknya mengikut prosedur yang telah ditetapkan agar rakyat mendapat manfaat terhadap setiap perkhidmatan yang disediakan oleh KBS.

STATISTIK ADUAN MENGIKUT AGENSI 2023



STATISTIK ADUAN MENGIKUT BULAN TAHUN 2023



Statistik Aduan Mengikut Agensi dan Bulan Tahun 2023

## MAKLUM BALAS PELANGGAN

KBS sentiasa komited dalam memenuhi ekspektasi pelanggan Kementerian khususnya pemegang taruh belia dan sukan. Oleh yang demikian, UKK telah melaksanakan Kajian Kepuasan Pelanggan dalam meninjau mutu perkhidmatan KBS. Kajian ini penting sebagai instrumen bagi mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap kualiti dan keberkesanan perkhidmatan di bawah KBS.

Bagi tahun 2023, sebanyak 1,851 responden telah terlibat dalam Kajian Kepuasan Pelanggan ini. Sejumlah 1,813 (98%) telah memberikan maklum balas **Sangat Memuaskan** bagi perkhidmatan yang diterima daripada KBS.

Skop kajian memfokuskan kepada Hari Terbuka KBS, hebahan media sosial KBS, Hari Sukan Negara, hebahan dalaman KBS, Program Setahun Madani dan lain-lain lagi.

**1,851**  
RESPONDEN

SANGAT  
MEMUASKAN  
  
**1,813**  
(98%)

TIDAK  
MEMUASKAN  
  
**38**  
(2%)

KAJIAN DILAKSANAKAN  
BERMULA FEBRUARI 2023  
SEHINGGA 31 DISEMBER 2023

## PENGURUSAN DAN PERHUBUNGAN MEDIA


Pengurusan dan perhubungan media adalah tanggungjawab UKK dalam memastikan dasar, mesej dan informasi Kementerian dapat disalurkan dan disebarluaskan secara efektif kepada setiap lapisan masyarakat khususnya pemegang taruh belia dan sukan.

Bagi memastikan semua maklumat dapat disampaikan secara berkesan sebanyak **82 siaran media dan kenyataan media** telah dikeluarkan sepanjang tahun 2023 dan sebanyak **103 sidang media** telah dilaksanakan menerusi program-program yang melibatkan Menteri, Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha.

Di samping itu juga sentimen terhadap liputan berita berkaitan KBS mencatatkan sebanyak **82% sentimen positif, 17% bersifat neutral** dan selebihnya adalah negatif.



**PERATUSAN LIPUTAN BERITA KBS MENGIKUT SENTIMEN  
JANUARI - DISEMBER 2023**



SENTIMEN	BILANGAN	PERATUSAN
Positif	4,227	82%
Neutral	899	17%
Negatif	25	1%

UKK juga telah melaksanakan sesi ramah mesra melibatkan pengurusan tertinggi Kementerian bersama-sama dengan pengamal media. Tujuan sesi ini diadakan untuk merapatkan lagi hubungan Kementerian dengan media tempatan sekaligus menjadi platform untuk memantapkan lagi strategi komunikasi terutamanya dalam penyampaian maklumat kepada kumpulan sasaran.

**PENGURUSAN ASET DIGITAL – MEDIA SOSIAL**

Penggunaan media sosial secara komprehensif membolehkan UKK untuk menyampaikan dan menyebarkan dasar-dasar Kementerian secara pantas dan konsisten. Sepanjang tahun 2023, jumlah *engagement* penggunaan media sosial rasmi KBS (FB, IG & X) dalam pengurusan media dan publisiti telah berjaya menghasilkan hampir **1,000,000 engagement** daripada masyarakat awam. KBS akan sentiasa memastikan maklumat disampaikan secara terus menerusi platform ini dengan mengutamakan kandungan yang berinformasi dan relevan dari semasa ke semasa.





## UNIT ANTI-DOPING MALAYSIA (ADAMAS)

Pada tahun 2003, Kerajaan Malaysia telah menandatangani Deklarasi Copenhagen terhadap *anti-doping* dalam sukan bagi menzahirkan komitmen terhadap usaha menangani gejala penggunaan bahan terlarang dalam sukan. Deklarasi ini telah dipersetujui oleh pelbagai kerajaan termasuk Kerajaan Malaysia di *Second World Conference on Doping in Sport* yang telah diadakan di Copenhagen, Denmark pada Mac 2003.

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri telah menandatangani Konvensyen Paris pada 28 November 2006 dan mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2007 sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara kedua di Asia yang mengiktiraf Konvensyen ini selepas Republik Rakyat China. Justeru itu, sebuah Organisasi *Anti-Doping* Kebangsaan (NADO) perlu ditubuhkan di negara yang telah menandatangani penerimaan WADA dan konvensyen Paris agar negara penandatangani dapat membanteras gejala *doping* di peringkat negara masing-masing.

Konvensyen ini menyediakan rangka kerja undang-undang yang membolehkan kerajaan menangani masalah *doping* secara spesifik yang berada di luar domain komuniti atau badan sukan. Ini dapat membantu mengiktiraf peraturan, dasar dan garis panduan *anti-doping* global untuk menyediakan persekitaran pertandingan yang adil dan saksama kepada semua atlet.

Susulan daripada penerimaan kod dan konvensyen tersebut, pada tahun 2006, sebuah agensi yang bertindak sebagai NADO Malaysia telah diwujudkan untuk menjalankan program *anti-doping* negara dan diletakkan secara pentadbiran di Institut Sukan Negara (ISN) yang dinamakan Unit *Anti-Doping* Malaysia. Pada 24 Oktober 2008 KBS selaku kementerian yang bertanggungjawab telah membuat keputusan untuk memindahkan fungsi ADAMAS dari ISN ke KBS bagi mengelakkan sebarang konflik kepentingan di peringkat ISN.

Sehingga kini, Unit *Anti-Doping* Malaysia (ADAMAS) terus komited dan bertanggungjawab di dalam melaksanakan fungsi-fungsinya dengan misi memelihara integriti sukan bebas daripada *doping* dan tekun berusaha ke arah mewujudkan persaingan yang adil, sihat serta memartabatkan semangat kesukanan yang tulen dalam kalangan atlet serta secara tidak langsung memastikan negara tidak tersenarai sebagai *non-compliance state* dengan sentiasa patuh kepada *World Anti-Doping Code 2021* dan *UNESCO International Convention Against Doping in Sport*.

Fungsi ADAMAS seperti berikut:

- Bertanggungjawab dalam pembangunan dan pelaksanaan program pendidikan secara komprehensif;
- Bertanggungjawab dalam pelaksanaan ujian *anti-doping* yang menyeluruh di semua peringkat;
- Menjalinkan hubungan kerja yang kukuh di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- Penyelarasan pengecualian kepada penggunaan Terapeutik; dan Konsultasi Pengurusan Keputusan bagi kes-kes positif di dalam *doping*;

### PROGRAM DAN AKTIVITI

#### Seminar/ Taklimat Pendidikan *Anti-Doping* 2023

Seminar Pendidikan *Anti-Doping* telah dirancang sebanyak 10 program pada tahun 2023 yang akan melibatkan 800 orang penyertaan peserta dari Persekutuan/Persatuan Sukan Kebangsaan. 20 program telah dapat dilaksanakan dengan jumlah penyertaan 605 orang peserta dari Atlet dan Kumpulan Sokongan Atlet Persekutuan/ Persatuan Sukan Kebangsaan. Seminar/ taklimat pendidikan ini dilaksanakan juga kepada atlet-atlet Negara yang mewakili negara ke Kejohanan Sukan Asia 2023 Selain daripada itu, terdapat juga penglibatan dari atlet rekreasi yang melibatkan taklimat pendidikan asas *anti-doping*.

Selain daripada itu, taklimat *anti-doping* juga disampaikan melalui television dan radio. Radio Televisyen Malaysia (RTM) melalui slot “Kesan Doping Terhadap Pembangunan Sukan Negara” telah dilaksanakan di Angkasapuri RTM. Manakala slot untuk radio, ADAMAS telah mendapat kerjasama dari Stesen Radio Bernama dan Kool 101 fm.



### Sambutan *Play True Day* Peringkat Kebangsaan

Sempena sambutan *Play True Day* telah bermula sejak Persidangan Pendidikan *Anti-Doping* yang dianjurkan oleh *World Anti-Doping Agency (WADA)* diadakan pada tahun 2013 dan dihadiri oleh 17 Negara Amerika Latin. Sejak tahun 2014, pada bulan April setiap tahun, komuniti *anti-doping* di seluruh dunia berkumpul untuk meraikan Hari *Play True* iaitu hari yang didedikasikan untuk Sukan Bersih dan meningkatkan kesedaran di kalangan atlet serta penggiat sukan tentang kepentingan mencegah gejala *doping*. Malaysia melalui ADAMAS turut melaksanakan sambutan ini pada 14 April 2023 di Podium Kementerian Belia dan Sukan. Sambutan ini turut disertai oleh pelajar-pelajar sekolah dari sekitar Putrajaya selain daripada penyertaan rakan-rakan pemegang taruh ADAMAS seperti dari Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Majlis Olimpik Malaysia dan Majlis Paralimpik Malaysia. Seramai 200 orang yang hadir ke sambutan ini bagi menunjukkan semangat dan kesungguhan di dalam menangani gejala *doping*.



### 2023 Asean+ Doping Control Officer Symposium

Program ini telah dianjurkan pada 23 – 24 Ogos 2023 dengan kehadiran seramai 160 peserta Pegawai Kawalan *Doping* dari negara-negara ASEAN termasuk negara Jepun dan Korea Selatan. Program ini berjaya mencapai objektifnya iaitu membuktikan komitmen Malaysia sebagai sebuah negara yang menyokong amalan budaya bersukan yang bersih dan adil, melalui inisiatif memantapkan barisan Pegawai Kawalan *Doping* di peringkat serantau selaras dengan *World Anti-Doping Code* dan piawaian antarabangsa, menyediakan platform latihan berbentuk teori dan praktikal di samping berkongsi ilmu dan penemuan terkini di dalam aspek teknikal pengujian, penyiasatan serta tanggungjawab Pegawai Kawalan *Doping* di peringkat antarabangsa dan memberikan nilai tambah, ilmu dan pengetahuan kepada para Pegawai Kawalan *Doping* dalam membantu merealisasikan hasrat ke arah sukan bebas *doping*.





## UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam KBS telah ditubuhkan pada tahun 1995 selaras dengan kehendak PP Bil. 2 Tahun 1979 iaitu Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian/Jabatan Kerajaan. Seterusnya, fungsi Audit Dalam telah dikemas kini melalui PP Bil. 9 Tahun 2004. Pelaksanaan pengauditan telah disesuaikan dengan perkembangan dan perubahan peranan Audit Dalam, khususnya dalam memberi khidmat perundingan dan menambah nilai kepada organisasi selaras dengan penguatkuasaan PP PS 3.1 (Pelaksanaan UAD di Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri). UAD juga merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Kementerian dan bertanggungjawab terus kepada KSU KBS.

Fungsi Unit Audit Dalam ialah membantu organisasi mencapai matlamat melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dalam menilai dan menentukan keberkesanan proses kawalan dan tadbir urus.

### AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

#### Sesi Perkongsian Isu-Isu Kewangan, Kementerian Belia Dan Sukan

Sesi Perkongsian Isu-Isu Kewangan anjuran Unit Audit Dalam, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pengurusan Maklumat, Unit Integriti Dan Unit Komunikasi Korporat telah diadakan pada 12 April 2023 bertempat di Dewan Serbaguna, Podium A Menara KBS. Objektif sesi perkongsian ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada pegawai-pegawai di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Kos (PK) mengenai isu-isu dalam pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Unit Audit Dalam dan isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Selain itu, sesi perkongsian ini juga melibatkan taklimat khas kewangan daripada Unit Integriti, KBS.



Matlamat sesi perkongsian ini adalah untuk memastikan tadbir urus yang lebih sistematik, berintegriti dan profesional bagi menilai serta menentukan keberkesanan proses kawalan dalaman. Syor dan khidmat nasihat diberikan bagi memastikan tahap pengurusan kewangan dan pengurusan program/ aktiviti Jabatan/ Agensi dapat dipertingkatkan seiring dengan hasrat Kerajaan dalam memastikan tatakelola yang teratur dan seterusnya mutu sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih profesional dan berintegriti dapat diperkasakan.

Seramai 461 peserta telah mengikuti sesi perkongsian ini secara atas talian dan seramai 93 peserta yang hadir secara bersemuka melibatkan 120 Jabatan/ Agensi/ Bahagian dalam KBS.



### Pencapaian Pengauditan Sepanjang Tahun 2023

Sepanjang tahun 2023, UAD telah melaksanakan sebanyak 32 pengauditan melibatkan Jabatan/ Agensi yang merangkumi 34 Pusat Tanggungjawab/ Pejabat Pemungut (PTJ/ PP) yang mana ianya telah melebihi perancangan audit tahun 2023 iaitu sebanyak 28 pengauditan. Pengauditan yang dilaksanakan adalah terdiri daripada Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengauditan Prestasi, Pengauditan Perolehan, Pengauditan Susulan, Pemeriksaan Mengejut, Penampilan Audit, Pengauditan Khas dan Jawatankuasa Audit Program serta Jawatankuasa Siasatan Dalaman.



### Kursus Pengauditan Berasaskan Data

Kursus Pengauditan Berasaskan Data telah diadakan di The Grand Beach Resort Port Dickson, Negeri Sembilan pada 8 hingga 10 September 2023 melibatkan Juruaudit dan Penolong Juruaudit Gred W29 hingga Gred W52. Objektif kursus ini adalah untuk memahami secara ringkas kepelbagaian jenis data bagi tujuan pengauditan. Ia juga dapat memberikan pendedahan dalam melaksanakan proses penyediaan data serta membantu menganalisis data secara deskriptif bagi mengenalpasti *red flags* dalam data yang disemak.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah memberi pendedahan mengenai kepelbagaian jenis data bagi tujuan pengauditan dengan menggunakan konsep pangkalan data. Peserta kursus juga didedahkan dengan aspek penting dalam teknik analisis data bagi penyediaan laporan Audit yang berkualiti.





## UNIT INTEGRITI

Fungsi Unit Integriti seperti berikut:

### Seksyen Pengukuhan Integriti, Pengurusan Aduan Dan Pentadbiran

- Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
- Melaksanakan mesyuarat Jawatankuasa Menilai Aduan (JMA)
- Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi

### Seksyen Tadbir Urus Dan Pematuhan


- Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan
- Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa..
- Merangka, mengkoordinasi, memantau dan bertindak sebagai urus setia induk Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Kementerian bagi memastikan objektif JAR tercapai.
- Merancang dan melaksanakan pemantauan (Naziran) serta mengawal selia dalam aktiviti Tadbir Urus dan Pematuhan KBS.
- Bekerjasama dengan agensi dalaman KBS dari aspek mengkoordinasikan kempen gaya kerja berintegriti di dalam pengurusan dan pentadbiran di setiap organisasi di bawah Kementerian.

## PROGRAM DAN AKTIVITI

### Kajian Tinjauan Pengetahuan, Kesedaran dan Kefahaman Warga KBS Terhadap Hebahan Integriti

Unit Integriti (UI) KBS telah mengadakan Kajian Tinjauan Pengetahuan, Kesedaran dan Kefahaman Warga KBS Terhadap Hebahan Integriti pada 30 Januari hingga 28 Februari 2023 secara atas talian melibatkan warga KBS dipelbagai peringkat. Pihak UI merakamkan setinggi penghargaan kepada seluruh warga KBS di atas maklum balas yang diberikan dalam menjayakan kajian tinjauan ini. Tujuan tinjauan ini dilaksanakan adalah untuk melihat tahap penerimaan dan keberkesanan hebahan integriti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022.

*Infografik Tinjauan Pengetahuan, Kesedaran dan Kefahaman Warga KBS terhadap Hebahan Integriti*



### Bengkel Semakan Semula Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Kementerian Belia Dan Sukan (KBS)

Bengkel Semakan Semula Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Peringkat KBS telah diadakan pada 31 Oktober 2023 bertempat di Perbadanan Stadium Malaysia (PSM), Bukit Jalil. Bengkel dengan kerjasama Unit Integriti (UI) PSM ini telah disertai seramai 49 orang pegawai focal integriti di peringkat bahagian, jabatan, dan agensi di bawah KBS. Tujuan semakan semula ini dibuat adalah untuk menyemak semula serta mengesyorkan inisiatif CRM terkini, yang perlu ditambahbaik setelah tempoh lima (5) tahun.

Objektif pelaksanaan Bengkel Semakan Semula CRM adalah sebagaimana berikut:

- Mengenalpasti risiko rasuah dan kelemahan *governans* dalam organisasi;
- Mengukuhkan kerangka pencegahan rasuah; dan
- Menggalakkan budaya berbincang isu-isu rasuah secara profesional dalam organisasi.

### Majlis Sambutan Bulan Integriti Peringkat Kementerian Belia dan Sukan Tahun 2023

Bulan Integriti Nasional disambut pada bulan November setiap tahun bertujuan untuk memupuk kesedaran dan juga sebagai inisiatif berterusan dalam membudayakan integriti serta memupuk nilai-nilai murni ke arah pemerkasaan agenda integriti dan tata kelola baik di Malaysia.

Pada tanggal 31 Oktober 2023, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Bulan Integriti Nasional. Bagi menyuarakan komitmen serta kesungguhan KBS dalam mendukung hasrat untuk menjadikan 'Malaysia Negara Berintegriti, pelbagai program bersempena Sambutan Bulan Integriti secara fizikal dan dalam talian telah dilaksanakan sebagaimana berikut:



*Bengkel Semakan Semula Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Peringkat KBS*



*Majlis Perasmian Sambutan Hari Integriti Peringkat KBS*

Bil.	Program	Tarikh	Penyertaan
1.	Kuliah Integriti KBS: "Penerapan Maqasid Syariah Dalam Integriti, Nilai dan Rohani"	3 November 2023	617 orang
2.	Hebahan Mesej Ucapan Sambutan Hari Integriti Nasional	5 November 2023	-
3.	Bicara Integriti Khas: "Integriti Citra Malaysia Madani"	6 November 2023	1,173 orang
4.	Majlis Perasmian Sambutan Hari Integriti Peringkat KBS		



## PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Pejabat Penasihat Undang-Undang (Pejabat PUU) mempunyai jumlah perjawatan sebanyak lima (5) orang pegawai dan kakitangan yang diketuai oleh seorang Penasihat Undang-Undang Gred L52. Misi Pejabat PUU adalah memberi perkhidmatan perundangan yang berkualiti menurut Perlembagaan dan undang-undang kepada Kerajaan. Visi Pejabat PUU adalah untuk menjadi organisasi perundangan yang mendukung Perlembagaan dan undang-undang supaya kepentingan negara terpelihara.

Fungsi Pejabat Penasihat Undang-Undang seperti berikut:

- memberi nasihat perundangan berkenaan perkara yang dirujuk oleh mana-mana bahagian/ jabatan/ agensi di bawah Kementerian;
- menggubal atau menyemak dokumen undang-undang seperti notis perundangan, perjanjian, dan memorandum persefahaman bagi memastikan kepentingan Kementerian dilindungi;
- menggubal atau menyemak Rang Undang-Undang atau perundangan subsidiari selaras dengan keputusan yang dibuat oleh Kementerian;
- menghadiri mesyuarat/perbincangan dan memberikan khidmat nasihat undang-undang bagi memastikan apa-apa keputusan dasar yang dibuat oleh kementerian/jabatan/agensi adalah menurut undang-undang; dan
- mewakili Kerajaan dalam kes mahkamah yang menamakan Kerajaan sebagai salah satu pihak.



### AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

#### Pencapaian

##### → **Khidmat Nasihat dan Perundangan**

Sebanyak **1,272** nasihat perundangan secara bertulis dan lisan (termasuk pandangan undang-undang yang diberikan dalam mesyuarat/ perbincangan) oleh Pejabat PUU kepada Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya sepanjang tahun 2023.

##### → **Penyediaan, Penyemakan atau Penggubalan Draf Perjanjian, Memorandum Persefahaman Domestik dan Antarabangsa dan lain-lain instrumen**

Sebanyak **852** perjanjian, memorandum persefahaman domestik dan antarabangsa dan lain-lain instrumen yang telah disediakan, disemak atau digubal oleh Pejabat PUU sepanjang tahun 2023. Antara perjanjian, memorandum persefahaman dan lain-lain instrumen yang telah disemak adalah seperti yang berikut:

- (i) draf perjanjian perolehan pembekalan dan perkhidmatan dan penyewaan melibatkan Kementerian/ Jabatan/ Agensi;
- (ii) draf *Construction Agreement* bagi projek-projek di Kementerian;
- (iii) Kod Sukan Selamat;
- (iv) draf Kod Etika dan Tatakelakuan Kementerian Belia dan Sukan; dan
- (v) draf Kod Amalan dan Etika Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Institusi Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS).

##### → **Penggubalan Rang Undang-Undang dan Perundangan Subsidiari**

Sebanyak tujuh Rang Undang-Undang dan perundangan subsidiari yang telah digubal, disemak atau dipinda oleh Pejabat PUU sepanjang tahun 2023 seperti yang berikut:

- (i) Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama) 2023;
- (ii) Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Kedua) 2023;
- (iii) Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Ketiga) 2023;
- (iv) Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 [Akta A1602];
- (v) Draf Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Pendaftaran Badan Sukan) 2023;
- (vi) Draf Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Tugas, Kuasa dan Fungsi Badan Sukan) 2023; dan
- (vii) Draf Peraturan-Peraturan Institut Sukan Negara (Akademi Kejurulatihan Kebangsaan) 2023.

### Aktiviti

#### → Bengkel Penyediaan Draf Kontrak/ Perjanjian Perolehan

Pada 22 hingga 23 Mei 2023 bertempat di Casa 4, Majlis Sukan Negara Malaysia, Bukit Jalil, Pejabat PUU telah mengadakan Bengkel Penyediaan Draf Kontrak/ Perjanjian Perolehan ("Bengkel") yang telah disertai seramai 50 orang pegawai-pegawai KBS. Pejabat PUU berhasrat untuk membuat penambahbaikan kepada draf kontrak/ perjanjian dengan mengadakan Bengkel untuk memberi pendedahan dan taklimat kepada pegawai di Bahagian/ Jabatan/ Agensi KBS mengenai asas kontrak Kerajaan dan perkara-perkara yang perlu dititikberatkan dalam penyediaan draf kontrak/ perjanjian.

Objektif Bengkel ini termasuk memberi pemakluman terbaharu daripada Jabatan Peguam Negara yang telah menambahbaik beberapa klausa dalam kontrak/ perjanjian Kerajaan yang harus diberikan perhatian oleh pegawai-pegawai KBS. Hasil daripada Bengkel ini, dapat dilihat peserta lebih memahami penyediaan dan penggubalan draf kontrak/ perjanjian dengan mengikut format yang telah disediakan, dengan memberi perhatian terhadap terma-terma dalam draf kontrak/ perjanjian bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara.

#### → Sesi Perbincangan Draf Perjanjian/ Kontrak Perolehan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang

Lanjutan daripada Bengkel, pada 26 Jun 2023 bertempat di Pusat Sumber, Aras 4, Menara KBS, Pejabat PUU telah mengadakan sesi perbincangan draf perjanjian/ kontrak perolehan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang (JBS Negeri Pahang) (Perbincangan) yang dihadiri oleh wakil daripada JBS Negeri Pahang seramai tiga orang pegawai. Perbincangan ini bertujuan untuk meneliti draf perjanjian/ kontrak perolehan di JBS Negeri Pahang yang mempunyai beberapa isu berbangkit dan masih belum dimuktamadkan. Hasil daripada Perbincangan ini, draf perjanjian/ kontrak yang digubal adalah lebih teratur dan mengikut format yang disediakan oleh Pejabat PUU.

#### SENARAI AKTA DI BAWAH KBS

- (i) Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576];
- (ii) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668];
- (iii) Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 [Akta 29];
- (iv) Akta Institut Sukan Negara 2011 [Akta 729];
- (v) Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010 [Akta 717];
- (vi) Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968 [Akta 810]; dan
- (vii) Akta Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri 1976 [Akta 170].





## BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BELIA

Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB) bertanggungjawab menyelia kesemua 22 buah Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). ILKBS merangkumi 8 Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), 13 Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan sebuah Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG). ILKBS memberi latihan kemahiran meliputi Tahap satu (1) hingga Tahap lima (5) di bawah Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia.

ILKBS telah diperkenalkan pada 22 November 2016 sebagai satu inisiatif penjenamaan semula bagi menyatukan kesemua institusi latihan kemahiran di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Penjenamaan ini dibuat setelah mengambil kira keperluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau TVET yang dilihat kian mendapat tempat di dalam agenda pembangunan negara ketika ini.

Fungsi Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia seperti berikut:

- Menyediakan peluang latihan kemahiran kepada belia melalui pelbagai pendekatan.
- Melahirkan Tenaga Mahir Dan Separa Mahir bagi memenuhi keperluan Negara

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi BPKB/ILKBS <https://ilkbs.my> atau mengikuti laman media sosial ILKBS.

**95.92%**

Peratus Kebolehpasaran Pelajar ILKBS

**RM 2,019.00**

Purata Pendapatan Lulusan ILKBS

**17,275**

Belia dan Pekerja Industri Menerima Manfaat Latihan TVET di ILKBS pada Tahun 2023

### PENCAPAIAN UTAMA TVET KBS

Pecahan seperti berikut:

- (a) Pelajar Sepenuh Masa: **10,045 orang**
- (b) Kursus Jangka Pendek:
  - (i) *Skills for Life*: **2,772 orang**
  - (ii) Program *Bootcamp*: **412 orang**
  - (iii) Program STAR@U: *MyFuture Youth Plus*: **647 orang**
  - (iv) Program Kampus Bandar Raya ILKBS Johor (ICC Johor): **1,275 orang**
  - (v) Kursus Modular (Akaun Amanah): **1,957 orang**
  - (vi) Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN): **105 orang**
  - (vii) Program Latihan Kemahiran Inklusiviti Belia Autisme dan Berkeperluan Khas: **62 orang**

## PROGRAM DAN AKTIVITI

### → Pelajar ILKBS Layak ke Pertandingan *Worldskills* Lyon 2024

Pada tahun 2023, dua (2) pelajar ILKBS telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dan terpilih mewakili Malaysia ke Pertandingan *Worldskills* Lyon 2024. Dua (2) pelajar ini adalah sebahagian daripada 15 peserta muda negara yang akan bertempur di dalam 59 bidang kemahiran terpilih bersama-sama 1,500 peserta daripada 65 buah negara di Lyon, Perancis pada September 2024.

**WorldSkills Competition** (WSC) merupakan pertandingan kemahiran peringkat tertinggi di dunia dalam mengiktiraf belia-belia yang berkemahiran tinggi. Pertandingan ini terbuka kepada semua negara yang menjadi ahli *WorldSkills International* (WSI). Bidang kemahiran yang dipertandingkan mengikut piawaian kemahiran peringkat dunia dan penyertaan Malaysia bertujuan untuk menanda aras tahap kemahiran belia negara ke arah melahirkan tenaga kerja mahir bertaraf dunia. Berikut adalah dua (2) pelajar ILKBS yang mewakili negara dalam **Worldskills Lyon 2024**:



**MUHAMMAD NASRAN**  
IKBN KEMASIK



**NUR RAIESYA BINTI AZLI**  
IKTBN ALOR GAJAH  
BIDANG PASTRY

### → Pencapaian di Pertandingan *Worldskills* ASEAN 2023 (Melibatkan 10 Negara)

Julai 2023, empat pelajar ILKBS telah dipilih mewakili Malaysia ke Pertandingan *Worldskills* ASEAN Singapore 2023 dan berjaya membawa pulang 3 pingat untuk negara; 2 pingat emas dan 1 pingat gangsa.

Pertandingan *Worldskills* ASEAN merupakan pertandingan kemahiran peringkat ASEAN yang dianjurkan setiap dua (2) tahun dan dihoskan secara bergilir di sepuluh (10) buah negara ASEAN. Pertandingan ini disertai belia berumur 22 dan 25 tahun ke bawah mengikut bidang kemahiran terpilih. Ini adalah platform untuk peserta negara ke pertandingan kemahiran peringkat dunia (WSC). Selain mencungkil bakat muda, pertandingan ini juga bertujuan mengalakkan kerjasama antara kerajaan, industri dan institusi latihan di kalangan negara ASEAN di samping mempromosikan TVET di seluruh negara ASEAN.

### → Pencapaian di *Worldskills* Malaysia Belia (WSMB) dan *Worldskills* Malaysia Pengajar (WSMP)

#### **Worldskills Malaysia Belia (WSMB) 2023:**


Pelajar ILKBS berjaya mengondol 12 pingat (2 pingat emas, 9 perak, 1 gangsa) dan 20 sijil kecemerlangan.

Pertandingan ini merupakan satu platform untuk mengiktiraf dan memilih pelajar institusi/kolej kerajaan dan swasta serta pekerja industri yang mempunyai kemahiran unggul untuk bertanding bagi melayakkan diri ke peringkat kebangsaan dan seterusnya mewakili Malaysia ke peringkat ASEAN, Asia dan Dunia.

#### **Worldskills Malaysia Pengajar (WSP):**

Pengajar ILKBS berjaya mengondol 3 pingat (1 pingat perak, 2 gangsa) dan 6 sijil kecemerlangan.

WSMP merupakan pertandingan kemahiran untuk meningkatkan kekompetenan dan daya saing pengajar institusi latihan kemahiran awam, swasta serta pekerja industri. Peserta akan bersaing secara sihat untuk mendapatkan pengiktirafan dan ganjaran yang ditawarkan selain didedahkan dengan teknologi dan kurikulum berkaitan yang bertaraf dunia.



### → Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM)

Sebuah program bertaraf antarabangsa (diberi mandat oleh *The Duke of Edinburgh's International Award Foundation*) yang mengiktiraf remaja berumur 14-24 tahun dalam aktiviti yang menyumbang kepada pembentukan personaliti dan keterampilan pelajar ILKBS. Objektif ARPRM:

- Menyediakan diri remaja menghadapi cabaran ke arah kematangan diri dan penyerlahan potensi.
- Membentuk pembangunan remaja secara holistik melalui penyertaan dan pengiktirafan dalam aktiviti seimbang di bawah 4 komponen
- Memupuk semangat kesukarelaan serta mengiktiraf sumbangan remaja dalam aktiviti kemasyarakatan.
- Meningkatkan potensi kepimpinan remaja sebagai pemimpin elit muda

# 5,585 orang

Bilangan Penyertaan Pelajar Dalam ARPRM

# 2,847 orang

Bilangan Pentauliah Pelajar Dalam ARPRM



## BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDS) terdiri daripada Cawangan Strategik, Cawangan Sukan, Cawangan Belia, Cawangan Penyelarasan dan Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputra dengan kekuatan keseluruhan pegawai dan kakitangan seramai 31 orang termasuk empat orang pegawai Mystep.

Fungsi Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik seperti berikut:

- BDS bertanggungjawab untuk merancang, menggubal, menyelaras serta memantau pelaksanaan dasar-dasar dan akta berkaitan belia dan sukan berpandukan matlamat program atau aktiviti Kementerian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, merangkumi Dasar Belia Malaysia, Dasar Sukan Negara, Visi Sukan Negara dan Model Baharu Pembangunan Belia MADANI, Pelan Strategik KBS, Akta Pertubuhan Dan Pembangunan Belia 2007 dan Akta Pembangunan Sukan.
- BDS juga bertanggungjawab melaporkan pelaksanaan dan pemantauan ke atas inisiatif dan dasar Kerajaan melibatkan Rancangan Malaysia, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan *Outcome-Based Budgeting* (OBB). Selain itu, BDS bertindak menyelaras dan mengurus Kertas Jemaah Menteri, hal ehwal Parlimen, Mesyuarat Pasca-Kabinet serta kolaborasi strategik bersama kementerian dan agensi luar.

### PROGRAM DAN AKTIVITI

#### Pelancaran Kod Sukan Selamat

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melancarkan Kod Sukan Selamat pada 15 Mac 2023. Pelancaran diadakan di Dewan Podium, Menara KBS dan telah disempurnakan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan. Kod yang dibangunkan berdasarkan garis panduan antarabangsa dan undang-undang tempatan dan ini merupakan panduan komprehensif untuk seluruh komuniti sukan yang menjelaskan skop salah laku dalam sukan serta tanggungjawab para pemegang taruh.

Pelancaran ini mencerminkan komitmen semua pemegang taruh dalam memastikan persekitaran sukan di Malaysia bebas daripada segala bentuk penderaan dan gangguan dalam usaha meningkatkan tahap pencapaian sukan negara di peringkat antarabangsa. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YB Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan dan YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha KBS.



### Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS) Bilangan 1 Tahun 2023

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS) Bil. 1/2023 pada 30 Mei 2023. Mesyuarat ini berperanan untuk menyelaras dan memperkemas sistem penyampaian inisiatif dan program pembangunan sukan. Ia termasuklah memperkukuhkan kerjasama pelbagai sektor bagi mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan (*sporting nation*). Mesyuarat juga telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (*High Level Committee*) Pembangunan Sukan bagi meneliti isu-isu secara lebih terperinci yang dibangkitkan dalam mesyuarat JKPS.



### Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM2030)

Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030) telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa majlis perasmian Karnival Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 pada 28 Mei 2023 bertempat di Padang Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson, Negeri Sembilan.

MPBM2030 adalah pelengkap kepada Dasar Belia Malaysia dan selari dengan dasar nasional terkini. MPBM2030 dibangunkan berdasarkan aspirasi golongan belia yang terkesan akibat pandemik Covid-19 memberikan penekanan kepada empat teras, 11 objektif, 14 strategi dan 39 inisiatif. Model ini disasarkan dapat melahirkan warganegara belia yang dinamik, kompeten, berdaya saing dan berdaya tahan dalam mendepani cabaran masa kini serta perubahan masa hadapan.

Selain itu, Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030) yang telah dilancarkan sempena Sambutan Hari Belia Negara 2023 menjadi dokumen rujukan dalam merencana program-program pembangunan belia menuruti aspirasi dan pandangan belia pada masa kini.



### Pindaan Had Umur Belia (Akta 668)

Pada sidang media Majlis Perundangan Belia Negara (MPBN) Sidang 1, Penggal 34, Sesi 2023-2024, YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan mengumumkan bahawa Kerajaan telah menetapkan tarikh kuat kuasa bagi Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 (Akta A1602) pada 1 Januari 2026.

Rang Undang-Undang (RUU) Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 bertujuan antara lain menurunkan had umur dalam takrif belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun, diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada tahun 2019.

***Pindaan itu antara lain melibatkan penurunan had umur belia kepada 30 tahun, penetapan had umur ketua ataupun pemegang jawatan pertubuhan belia iaitu 18 hingga 30 tahun dan mengehadkan tempoh ketua pertubuhan belia selama empat tahun sahaja.***

Penetapan tarikh itu adalah hasil daripada beberapa siri perbincangan antara KBS dan Majlis Belia Malaysia (MBM). YB Menteri menekankan penurunan had umur berkenaan sejajar dengan Dasar Belia Malaysia dan takrifan umur belia di negara lain yang meletakkan had umur belia di bawah 30 tahun. Satu kerangka pelan transisi akan

disediakan secara perundingan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan pada suku pertama 2024 untuk melancarkan proses transisi itu.

Dalam pada itu, Jawatankuasa Bersama diketuai YB Timbalan Menteri, YB Adam Adli Abd Halim telah ditubuhkan bagi membincangkan program-program transisi serta strategi untuk memperkasa kepimpinan dan meningkatkan keahlian pertubuhan belia daripada golongan belia yang lebih muda.



### Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI

KBS terlibat dalam penganjuran Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI yang telah diadakan mulai 8 hingga 10 Disember 2023 di Parkir A dan B, Stadium Nasional Bukit Jalil. Program yang membawa perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat ini menarik kehadiran melebihi 230,000 orang pengunjung sepanjang tempoh program. KBS telah menyertai pameran di reruai KBS dengan pengisian pelbagai aktiviti seperti Sesi Suai Kenal Atlet, simulator perlumbaan dan *Tekken*, *Blazepod* serta sesi advokasi NESDEG.

Selain itu, KBS juga terlibat dalam perkhidmatan bergerak melalui pekhidmatan terapi sukan dan kosmetologi, Trak Promosi Rakan Muda, barista autisme dan penyediaan pemudah cara kesemua perkhidmatan KBS. Larian Ria MADANI telah dianjurkan pada 9 Disember 2023 yang berjaya menarik penyertaan seramai 3,000 orang. Selain daripada itu, KBS juga menganjurkan Pertandingan Sepakan Penalti yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM25,100.00. KBS juga terlibat dalam persembahan di Pentas Utama melalui slot penampilan Atlet Negara dan persembahan Rakan Muda.





## BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

Bahagian Hubungan Antarabangsa sebelum ini dikenali sebagai Cawangan Antarabangsa dan diletakkan di bawah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik. Program/ aktiviti yang melibatkan hubungan antarabangsa turut dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) Institut Sukan Negara (ISN), Majlis Sukan Negara (MSN), Pusat Belia Antarabangsa (IYC) dan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia (IYRES).

Fungsi Bahagian Hubungan Antarabangsa ialah menyelaras hubungan kerjasama dengan organisasi antarabangsa dan negara luar agar kerjasama dua hala serta pelbagai hala dalam agenda pembangunan belia dan sukan dapat dipertingkatkan.

### VISI

Menerajui aktiviti jalinan hubungan antarabangsa dalam mempertingkatkan pencapaian cemerlang dan pengiktirafan belia dan sukan pada peringkat antarabangsa.

### MISI

Mempertingkatkan dan mengukuhkan kerjasama antarabangsa dalam pembangunan belia dan sukan.

### OBJEKTIF

- Menyelaras pelaksanaan/penyertaan program pengantarabangsaan KBS ke arah pemerkasaan belia dan pembangunan sukan di persada dunia.
- Memudah cara jalinan hubungan antarabangsa bersama rakan strategik pada peringkat kebangsaan, serantau dan global bagi memperkukuhkan hubungan Malaysia dengan pihak luar melalui kerjasama pembangunan belia dan sukan.
- Menyediakan maklum balas terhadap hal ehwal belia dan sukan bagi meningkatkan penglibatan KBS pada peringkat bilateral dan multilateral

### PROGRAM DAN AKTIVITI

#### **7<sup>TH</sup> ASEAN Ministerial Meeting on Sports and Related Meetings**

31 Ogos 2023, Chiang Mai - *Seventh ASEAN Ministerial Meeting on Sports and Related Meetings* yang telah dilaksanakan secara fizikal dari 28 Ogos hingga 1 September 2023 di Chiang Mai, Thailand. Mesyuarat ini menyasarkan penyertaan dalam kalangan wakil *ASEAN Ministerial Meeting on Sports* (AMMS) iaitu terdiri daripada Menteri. Selain itu turut diadakan adalah *Fourteenth ASEAN Senior Officials Meeting on Sports* yang terdiri daripada Ketua Setiausaha/ Setiausaha Tetap/ Pegawai-pegawai kanan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal sukan dari Negara Anggota ASEAN. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha KBS. Mesyuarat ini adalah mesyuarat berjadual di mana ia bersidang secara dwitahunan dan Kepengerusian Mesyuarat SOMS adalah mengikut penggiliran abjad dalam kalangan Negara Anggota ASEAN. Sepertimana yang telah dipersetujui semasa *Fifth ASEAN Ministerial Meeting on Sports* di Manila, Filipina pada 9 Oktober 2019, Thailand adalah merupakan Pengerusi SOMS-14. Mesyuarat SOMS-14 akan bersidang terlebih dahulu bagi membincang dan mempersetujui perkara-perkara yang akan dibawa kepada perhatian *Seventh ASEAN Ministerial Meeting on Sports* (AMMS-7) untuk pengesahan sebelum dilaksanakan oleh semua Negara Anggota ASEAN.



*Delegasi perwakilan Negara Anggota ASEAN yang terdiri daripada Menteri dan Pegawai Tertinggi Kementerian yang bertanggungjawab dalam bidang sukan di negara masing-masing*

### **Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS2023)**

25 Julai 2023 - Seramai lapan delegasi Malaysia terdiri daripada peserta belia dan seorang pegawai pengiring dari KBS berlepas ke Tokyo, Jepun bagi menyertai program *Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths* (JENESYS 2023) dari 25 Julai hingga 2 Ogos 2023 anjuran Kerajaan Jepun melalui *Japan International Cooperation Center* (JICE).

Program ini bertujuan menggalakkan persefahaman dalam kalangan rakyat antara negara Jepun dan rantau Asia-Pasifik di samping membina jaringan perhubungan serta kerjasama masa depan. Program ini juga menggalakkan pemahaman mengenai ekonomi, masyarakat, sejarah, budaya politik dan hubungan diplomatik Jepun.



*Sekitar aktiviti dan program yang telah dijalankan semasa Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS 2023) dari 25 Julai hingga 2 Ogos 2023 di Tokyo, Jepun*



*Sekitar aktiviti dan program yang telah dijalankan semasa Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS 2023) dari 25 Julai hingga 2 Ogos 2023 di Tokyo, Jepun*

### **ASEAN Ministerial Meeting on Youth and Related Meetings**

19 Jun 2023, Putrajaya - Kementerian Belia dan Sukan yang diketuai oleh YB Hannah Yeoh Menteri Belia dan Sukan telah mempengerusikan Mesyuarat *12<sup>th</sup> ASEAN Ministerial Meeting on Youth and Related Meetings* secara atas talian di Putrajaya. Tema kepengerusian Malaysia ialah *Mental Health Matters : You Are Not Alone*. Terdapat empat (4) mesyuarat yang telah dianjurkan iaitu *12<sup>th</sup> ASEAN Senior Officials Meeting on Youth (12<sup>th</sup> SOMY)* pada 19 Jun 2023, *11<sup>th</sup> ASEAN Plus Three Senior Officials Meeting on Youth* pada 20 Jun 2023 serta *12<sup>th</sup> ASEAN Ministerial Meeting on Youth (12<sup>th</sup> AMMY)* dan *8<sup>th</sup> ASEAN Plus Three Ministerial Meeting on Youth* pada 21 Jun 2023.

Pelbagai inisiatif dan program pembangunan belia yang dilaksanakan oleh Negara Anggota ASEAN dan rakan dialog iaitu Republik Rakyat China, Republik Korea dan Jepun bagi meningkatkan kesejahteraan dan peluang generasi muda telah diketengahkan dalam mesyuarat-mesyuarat yang terlibat. Mesyuarat turut mengalu-alukan Timor Leste yang julung kali menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut sebagai pemerhati.

Antara inisiatif utama yang telah dibincangkan adalah Laporan Kedua *ASEAN Youth Development Index (YDI)* yang bertujuan untuk mengukur dan memantau tahap kesejahteraan belia di rantau ASEAN. Indeks ini melibatkan tujuh domain meliputi antaranya, aspek pendidikan, kesihatan, tenaga kerja, penglibatan politik dan identiti dan nilai ASEAN.

Mesyuarat juga membincangkan dan membuat semakan ke atas kemajuan pelaksanaan inisiatif di bawah *ASEAN Work Plan on Youth 2021-2025* yang mencakupi lima bidang keutamaan, iaitu pendidikan, pekerjaan dan kepimpinan, penyertaan, kesihatan dan kesejahteraan.

Mesyuarat telah bersetuju dengan kenyataan bersama Menteri-Menteri Belia ASEAN berhubung komitmen Negara Anggota ke atas pelaksanaan *ASEAN Work Plan on Youth 2021-2025* dan memberi penghargaan kepada rakan dialog AMMY dan rakan strategik belia yang telah bersama-sama melaksanakan inisiatif-inisiatif pembangunan belia di ASEAN.

Kepimpinan Malaysia dalam menerajui AMMY telah mendapat penghargaan pengiktirafan semua negara anggota ASEAN serta rakan dialog. Selari dengan prosedur ASEAN, Myanmar akan mengambil alih kepengerusian AMMY untuk penggal 2023 – 2024.








**MALAYSIA  
MADANI**

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

Menara KBS, No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62570 Putrajaya Malaysia

 Tel: +603-8871 3000



[www.kbs.gov.my](http://www.kbs.gov.my)